



MUKA 4

Bonus dua bulan gaji bagi penjawat awam Negeri Sembilan



ADUN pembangkang puji Belanjawan Negeri Sembilan 2025

MUKA 6

Negeri Kita

Wadah Informasi Anda

EDISI 9 • 2024

negerikita.org

Negeri Kita

Negeri Kita

HARGA : PERCUMA



BELANJAWAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 2025


BELANJAWAN NEGERI SEMBILAN 2025:

HASIL UNTUK RAKYAT



Sentuhan Prihatin OKU Negeri Sembilan bakal beri manfaat kepada 1,094 OKU

MUKA 6



Mahkamah tolak saman fitnah RM20 juta terhadap Ahli Parlimen Rasah

MUKA 8

Analisa Bajet 2025: Menggalas Harapan, Menunai Janji

MENITI hari menuju tahun kedua Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan, Belanjawan Negeri Sembilan 2025 adalah "piagam" yang akan memberikan gambaran arah tuju Kerajaan Perpaduan di Negeri Sembilan.

Hasil gandingan kepimpinan Negeri Sembilan yang mempunyai pelbagai dimensi dan cita-cita, ia telah membuka pelbagai peluang untuk mereka membangun negeri dan membela rakyat. Itulah fungsi kerajaan yang sebenar.

Zaman menjarah hasil negeri tanpa dipulangkan kepada rakyat telah tamat. Biarkan kenangan lama itu menjadi buku buruk yang disimpan jauh ke dalam gudang simpan barang lama.

Menteri Besar sudah membentangkan segala hasil mahsul negeri dan setiap jenis perkara yang mahu dibelanjakan. Mana tidak, tahun 2025, RM590 juta adalah duit poket untuk kerajaan berbelanja.

Kerajaan pula menyusun strategi untuk pastikan pendapatan negeri akan sama seperti apa yang mereka belanja. Dalam istilah orang-orang ekonomi dipanggil "Belanjawan Berimbang".

Bukan mudah untuk jangka apa akan berlaku tahun 2025. Usaha ini bukan seperti "menegak sumpit tak berisi".

Setiap tahun rakyat pasti bertanya-tanya apa yang mereka dapat. Bagi penjawat awam Persekutuan dan Negeri, mereka dah terima laba masing-masing.

Penjawat awam Persekutuan mendapat kenaikan gaji



selepas sengsara selama 12 tahun. Perlu tunggu Anwar Ibrahim jadi Perdana Menteri, baru naik gaji.

Kalau yang di Negeri Sembilan, "bonus" 2 bulan gaji. Senyum lebarlah mereka. Tidak pernah merasa dapat gaji berganda sejak dulu.

Tahun ini, kerajaan Negeri telah meluaskan inisiatif dengan pelbagai cara. Sembilan bidang utama yang akan menyentuh semua golongan rakyat.

Agenda membasmi kemiskinan tegar sudah 2 tahun dilakukan dengan baik. Kita perlu tahu, miskin tegar tidak boleh dihapuskan, tetapi kerajaan hanya boleh membantu.

Mereka akan keluar dari miskin tegar jika mereka berubah. Sebab ramai yang suka mendakwa mereka susah. Kita sediakan simulasi apa yang golongan B40 dapat dari Belanjawan Negeri Sembilan 2025.

Puan Temah, seorang penjual kuih ada 4 orang anak dengan suami yang bekerja sebagai Pengawal Keselamatan Sekolah. Mereka tinggal di Senawang dan dikategorikan sebagai B40.

Dua orang anak Puan Temah sekolah rendah, seorang sekolah menengah dan seorang baru dapat tawaran sambung universiti program Ijazah Kejuruteraan.

Awal tahun 2025 nanti, anak-anak Puan

Temah yang masih bersekolah akan terima Bantuan Anak Sekolah (sekolah rendah) RM550 setahun dan Biasiswa Anak Negeri (BAN) RM600 setahun.

Anak yang akan sambung belajar ijazah akan terima bantuan awal pengajian ijazah RM1,500 sebab kategori STEM. Bukan itu sahaja, anak Puan Temah boleh mohon Bantuan Sara Hidup RM200 sebulan (RM2,400 setahun) dan bantuan komputer riba (Harga RM3,000) dari Yayasan Negeri Sembilan.

Jika dikira keseluruhan bantuan yang diterima bagi tahun 2025 untuk anak-anak Puan Temah sebanyak RM8,600. Bukan itu sahaja, Puan Temah boleh memohon TUNS (RM3,000) untuk mengukuhkan perniagaan kuih Puan Temah.

Dengan pendapatan suami Puan Temah sebagai seorang Pengawal Keselamatan, beliau boleh memohon Rumah Mampu Milik yang berharga RM80,000. Ini membolehkan mereka mempunyai rumah sendiri walaupun mereka dalam kategori B40.

Ini belum lagi bantuan-bantuan dari Kerajaan Persekutuan seperti STR dan bantuan awal persekolahan.

Inilah tugas sebagai kerajaan. Kalau rakyat mengeluh tentang harga barang atau kesempitan membiayai anak-anak untuk menyambung belajar, jangan lupa jika kerajaan tidak berkira untuk memberikan hak rakyat yang layak menerima setiap inisiatif yang disediakan.

Mungkin pada mata setengah orang sikit, tapi sangat bernilai untuk keluarga Puan Temah.

Naratif Kito



Sudah dua tahun Negeri Madani, ada yang masih mengeluh?

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

Siapa yang menjadi rakyat Negeri Sembilan, pasti akan bertanya-tanya apa lagi yang mereka tidak dapat. Negeri ini bukanlah seperti "lulus tak bersalam, hilang tak mencari". Maksudnya orang-orang yang memerlukan bantuan, tidaklah dibiarkan terus menderita.

Setiap orang ada tahap pendapatan masing-masing. Dasar Kerajaan Persekutuan dan Negeri sama. Membantu golongan yang memerlukan dan memberi pelbagai perlepasan cukai kepada pembayar-pembayar cukai.

Dalam erti kata lain, dalam bahagian orang yang kaya, ada hak orang yang miskin. Tetapi bukan men'cukai' orang kaya sehingga mereka jatuh miskin.

Sebenarnya cara mengkategorikan rakyat masih tidak tepat jika berdasarkan pendapatan isi rumah seperti B40, M40 dan T20. Sedangkan yang wajar diukur adalah perbelanjaan mereka yang tinggal di lokasi dan bilangan ahli keluarga yang berbeza-beza.

Mungkin bagi seorang guru dilihat M40. Tetapi kerana anaknya 5 orang, hakikatnya tidak kurang sama dengan B40.

Sebab itu, baru-baru ini Kementerian Ekonomi telah mengeluarkan tahap-tahap Perbelanjaan Kos Sara Hidup Wajar (PAKW). Ukuran ini lebih realistik kerana mengambil kira lokasi dan bilangan ahli keluarga ketimbang pendapatan isi rumah. Tahniah kepada Menteri Ekonomi, YB Rafizi Ramli.

Kita akan masuk tahun kedua Belanjawan Madani di Negeri Sembilan. Apabila Menteri Besar umumkan 'bonus' kakitangan awam sebanyak dua bulan gaji, ramailah yang teruja dan teringin hendak berkhidmat di bawah Kerajaan Negeri.

Biasalah, "ada semut, adalah gula". Tetapi bukan sekadar gaji kakitangan awam, belanjawan 2025 lebih dari itu. Rakyat sudah ada pendapatan mereka sendiri. Kerajaan akan bantu mana-mana rakyat yang memerlukan. Cuma sifat manusia bukan semua boleh disamakan.

Kadang-kadang ada yang berduit, tapi masih mahu juga sumbangan dari kerajaan. Ada yang memang susah, tapi sedaya upaya berdikari. Jika maklumat tentang inisiatif kerajaan sampai kepada rakyat di bawah, tiada lagi 'kecoh-kecoh' ada yang dakwa tidak tahu tentang inisiatif kerajaan.

Kadang-kadang yang ribut-ribut ini biasanya yang tidak layak terima sumbangan. Orang yang terima inisiatif elok sahaja senyap. Betulkan



AYAH & IBU
Negeri
Rumah Harapan Rakyat

ANAK SEKOLAH MENENGAH (1 ORANG)
Negeri
Bantuan Biasiswa Negeri (BAN) (RM600 seorang)

ANAK SEKOLAH RENDAH (2 ORANG)
Negeri
Bantuan Anak Sekolah (BAS) (RM550 seorang)

ANAK PENGAJIAN TINGGI (1 ORANG)
Negeri
Bantuan Awal Pengajian (RM500, RM750, RM1,000)

Persekutuan
STR (maksimum RM2,000)

Persekutuan
Bantuan Awal Persekolahan (RM150 seorang)

Bantuan Sara Hidup Siswa (RM200/sebulan)

Bantuan Peranti (Tingkatan Enam)

Bantuan Komputer Riba (Diploma/Ijazah)

Anugerah Siswazah Cemerlang (RM5,000)

Tajaan Pengajian di Kolej Yayasan N9 (Percuma)

SIMULASI BANTUAN

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN UNTUK RAKYAT B40

Sebuah keluarga yang mempunyai seorang ayah yang bekerja sebagai kerani di pejabat Kerajaan dengan gaji RM2,500 dan isteri yang tidak bekerja dengan 4 orang anak, 2 sekolah rendah, seorang sekolah menengah dan seorang baru mendaftar pengajian ijazah.

Penjawat awam hargai bonus dua bulan, pinjaman kenderaan dan komputer tanpa faedah

PENGUMUMAN bonus dua bulan gaji dan kemudahan pinjaman tanpa faedah dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2025 mendapat sambutan hangat daripada kaki-tangan kerajaan. Kemudahan yang ditawarkan dilihat tepat pada masanya dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Pemberian bonus dua bulan gaji akan diperolehi pada awal tahun dan sebelum Aidilfitri, manakala pinjaman kenderaan dan komputer riba tanpa faedah adalah inisiatif baharu yang diperkenalkan.

"Alhamdulillah, pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 oleh Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah mengumumkan bonus dua bulan, pinjaman kenderaan dan komputer riba tanpa faedah kepada penjawat awam," kata **Albasyaari Abdul Latif**.

"Bonus pada awal tahun ini sangat membantu meringankan perbelanjaan penjawat awam, terutamanya bagi mereka yang mempunyai anak bersekolah dan



Albasyaari Abdul Latif



Khairina Asra Ahmad



Muhamad Amir Kushairi

persiapan sambutan Aidil Fitri," tambahnya.

Menurut beliau, komputer riba kini menjadi keperluan penting untuk pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi. Inisiatif ini memberi kemudahan kepada anak-anak penjawat awam untuk belajar dengan lebih baik.

"Skim pinjaman kenderaan tanpa faedah ini juga memberi kelebihan dari segi penjimatan berbanding pinjaman bank yang mengenakan faedah," jelasnya. "Saya berharap inisiatif ini diteruskan pada be-

lanjawan akan datang dan terima kasih Dato' Seri Utama Aminuddin," ujar Albasyaari.

Khairina Asra Ahmad pula berkata, "Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun kerana telah memberikan bonus dua bulan kepada penjawat awam."

"Saya rasa ini sangat membantu penjawat awam terutamanya dalam keadaan kos sara hidup kini agak tinggi. Sedikit sebanyak dengan pemberian bonus ini akan mem-

bantu meringankan beban kami," tambahnya.

"Terima kasih juga di atas inisiatif pinjaman kenderaan dan komputer riba tanpa faedah. Kalau buat pinjaman di bank, kadar faedah yang dikenakan tinggi. Terima kasih Dato' Seri Utama di atas pemberian kemudahan kepada penjawat awam Negeri Sembilan," ujar Khairina.

"Saya sebagai penjawat awam ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun, kerana mengumumkan bonus dua bulan," kata **Muhamad Amir Kushairi**.

"Terima kasih juga kerana memberikan kemudahan pinjaman kenderaan dan komputer riba tanpa faedah. Ada penjawat awam yang sambung belajar dan semestinya mereka memerlukan kemudahan komputer riba. Sudah semestinya skim pinjaman komputer riba tanpa faedah ini akan membantu penjawat awam yang menyambung pengajian," jelasnya.

Bajet 2025: Negeri Sembilan umum 66 inisiatif berjumlah **RM96.23 juta**

SEREMBAN: Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan mengumumkan 66 inisiatif berjumlah RM96.23 juta untuk rakyat Negeri Sembilan dalam Belanjawan Tahun 2025.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai bantuan kewangan, pemberian tunai, insentif bukan kewangan dan bantuan sokongan yang telah direncanakan oleh Kerajaan Negeri untuk dimanfaatkan oleh rakyat.

"Belanjawan 2025 ini akan memberi fokus kepada sembilan Bidang Tumpuan yang meliputi 66 inisiatif berjumlah RM96.23 juta.

"Sebanyak 23 inisiatif baharu bernilai RM26.15 juta disediakan yang disokong oleh 43 inisiatif sedia ada dengan nilai RM70.08 juta," kata beliau.

Berikut adalah pecahan bidang tumpuan Belanjawan 2025 iaitu:

i. Bidang Tumpuan Pertama: Kemampanan Ekonomi Rakyat dengan peruntukan sebanyak RM6.35 juta;



ii. Bidang Tumpuan Kedua: Ketenteraman Makanan dengan peruntukan sebanyak RM8.63 juta;

iii. Bidang Tumpuan Ketiga: Pendidikan dengan peruntukan sebanyak RM19.66 juta;

iv. Bidang Tumpuan Keempat: Pemerkasaan Komuniti dengan peruntukan sebanyak RM16.47 juta;

v. Bidang Tumpuan Kelima: Kero-

hanian dan Agama dengan peruntukan sebanyak RM19.93 juta;

vi. Bidang Tumpuan Keenam: Pemerkasaan Wanita, Belia dan Sukan dengan peruntukan sebanyak RM10.40 juta;

vii. Bidang Tumpuan Ketujuh: Pelancongan, Adat dan Budaya dengan peruntukan sebanyak RM12.45 juta;

viii. Bidang Tumpuan Kelapan: Kelestarian Alam Sekitar dengan peruntukan sebanyak RM1.0 juta; dan

ix. Bidang Tumpuan Kesembilan: Kebajikan dan Kesihatan dengan peruntukan sebanyak RM1.34 juta.

Aminuddin mengumumkan demikian semasa Pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Belanjawan Negeri Sembilan 2025 bertema 'Bersama Membina Negeri MADANI'.

Bonus dua bulan gaji bagi penjawat awam Negeri Sembilan

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat-PH) mengumumkan Bantuan Khas Kewangan sebanyak dua bulan gaji kepada 6,613 penjawat awam yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.

"Secara keseluruhannya saya amat berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh penjawat awam di negeri ini.

"Pengiktirafan demi pengiktirafan yang diterima di peringkat nasional membuktikan tadbir urus dan tata kelola perkhidmatan awam negeri ini berada pada tangga aras yang tinggi dan sering dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain.

"Kejayaan kita mengubah daripada belanjawan defisit kepada surplus untuk dua tahun berturut-turut menjadi bukti kukuh



bahawa tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya disokong dengan iltizam dan tekad jitu semua penjawat awam.

"Menghargai dan menginsafi

pengorbanan dan kesungguhan penjawat awam dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, sukacita saya umumkan Bantuan Khas Kewangan sebanyak dua bulan gaji kepada semua pen-

jawat awam yang berada di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata, penghargaan ini akan dipanjangkan kepada semua penjawat awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan seramai 6,613 orang semuanya yang akan dibayar pada bulan Januari 2025 dan sebelum Aidilfitri pada bulan Mac tahun 2025.

Aminuddin mengumumkan demikian semasa Pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Belanjawan Negeri Sembilan 2025 kekal bertema 'Bersama Membina Negeri MADANI'.

Caruman PERKESO bagi Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita



SEREMBAN: Bermula tahun 2025, Kerajaan Negeri Sembilan akan meneruskan pemberian elaun kepada Guru Takmir.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat-PH) berkata, peruntukan berjumlah RM173,000 disediakan untuk meneruskan pemberian elaun ini sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan Guru Takmir dalam mendidik ummah dan masyarakat celik al-Quran.

"Selain itu sebanyak RM1.01 juta disediakan

bagi Insentif Tambahan Elaun Guru KAFA Tulen dan RM0.6 juta diperuntukkan bagi program Pembinaan Karakter Bangsa.

"Manakala sebanyak RM5.08 juta diperuntukkan untuk bayaran elaun Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita.

"Selain pemberian elaun, Kerajaan Negeri juga prihatin dengan risiko dan kebajikan penggerak institusi masjid semasa menjalankan tugas.

"Untuk itu, sukacita saya umumkan satu lagi inisiatif baru iaitu Caruman

PERKESO kepada Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita sebagai skim perlindungan sosial dengan peruntukan sebanyak RM0.56 juta pada tahun 2025," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian semasa Pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban baru-baru ini.

Skim Pinjaman Kenderaan dan Komputer Tanpa Faedah Penjawat Awam



SEREMBAN: Sejak tahun 2019, Kerajaan Negeri Sembilan telah memperkenalkan Skim Pinjaman Kenderaan Tanpa Faedah dan Skim Pinjaman Komputer Tanpa Faedah.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat-PH) berkata, sehingga bulan November 2024 seramai 758 orang penjawat awam Negeri Sembilan telah diberikan kelulusan pinjaman kenderaan dan komputer tanpa faedah dengan jumlah kelulusan sebanyak RM16.57 juta.

"Penjawat awam ibarat bidalan "rimbun daun tempat berteduh, rimbun pokok tempat bernaung, besar banir tempat berlindung, besar batang tempat ber-

sandar, lebar daun buat membungkus, tingginya pohon jadi pedoman".

"Atas rasa kasih sayang dan prihatin kepada pengorbanan penjawat awam, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi Skim Pinjaman Kenderaan Tanpa Faedah dan RM50,000 bagi Pinjaman Komputer Tanpa Faedah pada tahun 2025," ujar Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian semasa Pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2025 di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15.

Bayaran setengah bulan elaun kepada Guru KAFA Tulen yang cuti bersalin dua bulan

SEREMBAN: Guru KAFA Tulen Negeri Sembilan yang cuti bersalin dua bulan, buat kali pertama akan menerima bayaran setengah bulan elaun.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, insentif ini akan dilaksana oleh Kerajaan Negeri bermula tahun 2025.

"Jasa dan pengorbanan seorang ibu sangat besar dan tinggi nilainya kepada kita semua.

"Bukan sedikit keringat dan air mata yang ditumpahkan untuk melihat anak-anaknya gembira dan berjaya.

"Apatah lagi apabila mengalas

tugas sebagai pendidik dan pada masa yang sama memikul tanggungjawab sebagai seorang ibu.

"Sebagai menghargai pengorbanan ini, Kerajaan Negeri memperkenalkan inisiatif pemberian bayaran setengah bulan elaun kepada Guru KAFA Tulen yang cuti bersalin dua bulan kepada lebih kurang 100 orang Guru KAFA wanita dengan peruntukan sebanyak RM142,000 pada tahun 2025," kata beliau.

Aminuddin menambah, jumlah ini adalah sebagai insentif tambahan kepada jumlah elaun yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.



ADUN pembangkang puji Belanjawan Negeri Sembilan 2025

SEREMBAN: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang Negeri Sembilan memuji Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang dibentangkan oleh Kerajaan Perpaduan Negeri.



Memetik perbincangan ADUN Gemas, Ridzuan Ahmad (PN) berkata, walaupun sebagai pembangkang, beliau melihat sembilan bidang tumpuan di dalam Belanjawan 2025 mempunyai skop yang tepat untuk dinilai keberkesanannya.

"Sebelum itu, saya juga mengucapkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Sikamat atas pengumuman Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak dua bulan gaji kepada penjawat awam di negeri ini.

"Ia merupakan petanda yang baik bagi menghargai usaha penjawat awam yang telah banyak menyumbang buah fikiran dan menambah baik mutu perkhidmatan.

"Saya juga menyokong Belanjawan Negeri Sembilan 2025," kata Ridzuan.

Dalam pada itu, ADUN Serting, Mohd Fairuz Mohd Isa (PN) berkata, belanjawan kali ini menyentuh pelbagai sektor.



"Walaupun ia merupakan belanjawan tertinggi dalam sejarah, ia menyentuh pelbagai sektor pemberian kepada kebanyakan lapisan masyarakat.

"Semoga belanjawan kali ini, kita dapat budayakan penggunaan yang berhemah.

"Akhirnya, saya menyokong usul Rang Undang-Undang Perbekalan Negeri Sembilan

2025," kata Mohd Fairuz.

Sentuhan Prihatin OKU Negeri Sembilan bakal beri manfaat kepada 1,094 OKU

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa prihatin dalam memberi perlindungan kepada golongan rentan (vulnerable) untuk mendapatkan kehidupan yang wajar dan lebih berkualiti.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, sebanyak RM1.34 juta diperuntukkan dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2025 dengan empat inisiatif iaitu satu inisiatif baharu dan tiga inisiatif sedia ada.

"Setiap kejadian ciptaan tuhan tetap sempurna walaupun mungkin ada yang dilahirkan dalam keadaan yang kurang sempurna berbanding insan lain.

"Namun, golongan istimewa ini mempunyai hak dan peluang yang sama untuk menjalani kehidupan yang normal bersama masyarakat.

"Untuk itu, sukacita saya umumkan peruntukan sebanyak RM220,000 bagi membantu 44 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sebagai program sokongan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

"Bantuan one-off sebanyak RM5,000 kepada setiap PDK yang bakal memberi manfaat kepada 1,094 orang pelatih OKU di bawah Inisiatif Sentuhan Prihatin OKU Negeri Sembilan," jelas Aminuddin.

Dalam pada itu Aminuddin berkata, inisiatif sedia ada yang dikekalkan adalah Rumah Minda Ceria dengan peruntukan RM120,000, Bantuan Perolehan Alat Implan Ortopedik dengan peruntukan sebanyak RM0.5 juta dan Bantuan Rawatan Pembedahan AV Fistula bagi rawatan hemodialisis sebanyak RM0.5 juta.

Warga FELDA 'disentuh', jambatan akrab dengan Kerajaan Negeri



SEREMBAN: Terdapat 49 tanah rancangan FELDA di Negeri Sembilan dan peneroka FELDA merupakan salah satu kelompok masyarakat terbesar di Negeri Sembilan.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, komuniti akar umbi memainkan peranan dalam pembangunan sesebuah negara untuk membantu seluruh jentera kerajaan menyampaikan maklumat kepada masyarakat khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

"Program Sentuhan MADANI FELDA

ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam mengukuhkan jaringan hubungan Kerajaan Negeri dengan warga FELDA di samping memupuk semangat perpaduan yang erat dan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Negeri ini.

"Sehubungan itu, sebanyak RM0.5 juta disediakan bagi program ini di bawah Belanjawan Negeri Sembilan 2025," ujar Aminuddin.

Belanjawan Negeri Sembilan 2025 bertema 'Bersama Membina Negeri MADANI'.

Bonus dua bulan, pinjaman kenderaan tanpa faedah: Penjawat awam diminta tingkatkan produktiviti

SEREMBAN: Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Mohd Zafir Ibrahim mewakili seluruh penjawat awam Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas beberapa insentif khas untuk penjawat awam negeri seperti diumumkan dalam pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2025.

Mohd Zafir berkata, seramai 6,613 penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri akan menerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) dua bulan gaji yang akan dibayar seawat-lewatnya awal bulan Januari 2025 dan sebelum Aidilfitri pada bulan Mac 2025.



"Selain itu, penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi Skim Pinjaman Kenderaan Tanpa Faedah dan RM50,000



bagi Pinjaman Komputer Tanpa Faedah pada tahun 2025, khas bagi penjawat awam.

"Selaras dengan tema Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2025 iaitu 'Bersama Membina Negeri MADANI', saya menyeru agar semua penjawat awam di Negeri Sembilan bersama-sama berganding bahu memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik bagi mengukuhkan kegemilangan negeri demi kesejahteraan rakyat selaras dengan seruan pucuk pimpinan negeri.

"Berusahalah dengan lebih gigih lagi untuk mempertingkatkan produktiviti, tatakelola, nilai integriti dan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Teruskan komitmen kita sebagai penjawat awam bagi mendukung aspirasi Kerajaan Negeri demi menjadikan Negeri Sembilan sebagai model sebuah negeri maju yang bersatu padu, bertoleransi, saling menghormati, bertamadun dengan ekonomi yang mampan dan kehidupan rakyat aman makmur serta sejahtera," kata Mohd Zafir.

Bajet 2025: TUNS, Halal Kotej diteruskan lagi



SEREMBAN: Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) dan Halal Kotej akan diteruskan lagi pada 2025.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, sehingga kini TUNS telah memberi manfaat kepada 6,459 orang usahawan kecil di negeri ini.

"Melihat kepada sambutan yang luar biasa ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan lagi inisiatif ini pada tahun akan datang.

"Sebanyak RM3 juta peruntukan diberikan bagi melaksanakan inisiatif ini.

"Dijangka dapat memberi manfaat kepada 1,000 orang usahawan kecil di negeri ini," kata Aminuddin.

TUNS merupakan inisiatif yang

mula diperkenalkan sejak 2019 oleh Kerajaan Negeri dan mula dikenali dalam kalangan rakyat di Negeri Sembilan.

Dalam pada itu, inisiatif Halal Kotej juga akan diteruskan lagi dengan peruntukan sebanyak RM0.5 juta.

Aminuddin menambah, inisiatif ini adalah bagi membantu usahawan kecil mendapatkan sijil halal dengan melepasi piawaian yang ditetapkan.

"Usaha ini telah berjaya membantu 224 usahawan mendapatkan sijil halal sebelum ini.

"Secara tidak langsung ia dapat membantu usahawan untuk mengembangkan lagi pasaran perniagaan masing-masing," tambah beliau.

Bantuan pesakit Ortopedik dan Hemodialisis diteruskan



SEREMBAN: Menyedari kos perubatan yang semakin meningkat dan kekangan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan rentan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan skim bantuan Bantuan Perolehan Alat Implan Ortopedik dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2025.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, inisiatif yang turut dikekalkan ialah Bantuan Rawatan Pembedahan AV Fistula bagi rawatan hemodialisis dan Rumah Minda Ceria.

"Kerajaan Negeri akan meneruskan Bantuan Perolehan Alat Implan Ortopedik dengan peruntukan sebanyak RM0.5 juta.

"Bantuan Rawatan Pembedahan AV Fistula bagi rawatan hemodialisis juga diteruskan pada tahun 2025 dengan peruntukan seban-

yak RM0.5 juta.

"Nasib golongan gelandangan juga tidak dilupakan dengan meneruskan geran bantuan kepada badan NGO Rumah Minda Ceria dengan peruntukan sebanyak RM120,000," ujar Aminuddin.

Menurut Aminuddin, sejumlah RM1.34 juta diperuntukkan dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2025 dengan empat inisiatif iaitu satu inisiatif baharu dan tiga inisiatif sedia ada.

Inisiatif baharu yang diperkenalkan ialah Sentuhan Prihatin OKU Negeri Sembilan yang bakal beri manfaat kepada 1,094 OKU dengan Bantuan one-off sebanyak RM5,000 kepada 44 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sebagai program sokongan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Negeri Sembilan cadang sambutan **Hari Orang Asli Sedunia** sebagai cuti umum

SEREMBAN: EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan, Dato' Seri Jalaluddin Alias (Pertang-BN) akan membawa cadangan mengisytiharkan sambutan Hari Orang Asli Sedunia sebagai cuti umum kepada Kerajaan Persekutuan.

"Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johol, Saiful Yazan Sulaiman (BN) mencadangkan sambutan Hari Orang Asli Sedunia sebagai cuti umum.

"Justeru itu, cadangan ini saya akan bawa kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim agar sambutan Hari Orang

Asli Sedunia diisytiharkan sebagai cuti umum persekutuan," kata Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu.

Jalaluddin berkata demikian semasa menjawab pertanyaan Saiful Yazan pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Saiful Yazan dalam soalan beliau memohon sambutan Hari Orang Asli Sedunia diisytiharkan cuti umum sebagai satu penghargaan kepada masyarakat Orang Asli.



Mahkamah tolak saman fitnah RM20 juta terhadap Ahli Parlimen Rasah, Cha

SEREMBAN: Mahkamah Tinggi Seremban menolak saman fitnah RM20 juta yang dikemukakan oleh sebuah syarikat terhadap Ahli Parlimen Rasah, Cha Kee Chin berkaitan pembinaan sebuah insinerator di Bandar Baru Sendayan.

Pesuruhjaya Kehakiman, Haldar Abdul Aziz membuat keputusan itu selepas mendapati plaintif, SPM Resources Sdn Bhd gagal untuk membuktikan atas kebarangkalian bahawa kenyataan Cha berunsur fitnah.

Peguam mewakili Cha, Lee Kai Yet berkata, mahkamah memutuskan defendan (Cha) berjaya membuktikan pembelaannya.

"Defendan telah membangkitkan beberapa pembelaan termasuk pembelaan justifikasi, ulasan saksama dan perlindungan bersyarat sebagai seorang ahli parlimen.

"Mahkamah juga telah menghakimkan satu kos sebanyak RM50,000 dibayar oleh plaintif kepada Cha," kata Lee kepada Negeri Kita.

Lee berkata, Haldar membuat keputusan penghakiman menerusi aplikasi Zoom.

SPM Resources Sdn Bhd menuntut ganti rugi am sebanyak RM10 juta, ganti rugi punitif RM5 juta dan ganti rugi teladan RM5 juta atas dakwaan Cha membuat kenyataan berunsur fitnah.

Menurut Lee, plaintif juga menuntut Cha membuat permohonan



maaf secara bertulis, mengiklan permohonan maaf di dalam akhbar nasional harian Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil selama tiga hari berturut-turut; selain permohonan injuksi menghalang Cha mengulangi kenyataan tersebut.

"Saman fitnah ini difailkan pada Julai 2021.

"Syarikat tersebut mendakwa Cha membuat tiga kenyataan berunsur fitnah dalam akaun Facebook beliau, satu berita dalam portal rasmi Kerajaan Negeri Negeri Kita dan dalam sebuah ucapan di sebuah kelab rekreasi di Bandar Sri Sendayan.

"Kenyataan tersebut dibuat sekitar bulan Mac dan April 2021.

"Pihak plaintif gagal menyang-

gah justifikasi hujahan pihak pembelaan serta gagal membuktikan wujud elemen fitnah dalam hantaran di Facebook, laporan berita portal Negeri Kita dan ucapan di sebuah kelab rekreasi di Bandar Sri Sendayan oleh anak guam kami," jelas Lee.

Hadiah hari jadi paling berharga

Dalam pada itu, Cha yang dihubungi Negeri Kita berkata, beliau gembira apabila kes yang berlarutan selama tiga tahun akhirnya berakhir.

"Ini hadiah hari jadi paling berharga kepada saya," katanya.

Selain Lee, turut mewakili Cha dalam kes ini ialah peguam Ong Chong Ming and Neo Hui Yee.

Lee juga merupakan Timbalan Setiausaha DAP Negeri Sembilan dan Pengerusi Biro Undang-Undang DAP Negeri Sembilan.



Peduli rakyat: 10,600 bakul makanan telah diagihkan kepada keluarga kurang kemampuan

SEREMBAN: Inisiatif Peduli Rakyat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah bagi membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan bekalan makanan, di mana secara tidak langsung dapat meringankan kos sara hidup golongan miskin, golongan yang terpinggir, dan individu yang menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan, Veerapan Superamiam (Repah-PH) berkata, bagi menjayakan matlamat United Nations Sustainable Development Goals (SDG) 12.3, iaitu mencapai pengurangan setengah daripada lebihan makanan (Food Waste) keseluruhan yang dikeluarkan oleh industri peruncitan dan pengguna pada tahun 2030, Kerajaan Negeri Sembilan telah melaksanakan Program Food Bank yang diselenggarakan dengan kerjasama KPDN Negeri Sembilan dan pelbagai pihak termasuk NGO dan sektor swasta.

Pengedaran bantuan keperluan asas seperti beras, tepung, gula dan barangan makanan lain



dilaksanakan melalui Pusat Khidmat Rakyat DUN di Negeri Sembilan.

Data mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun 2022: 3,600 pek bakul makanan dan KPDN (30 permohonan berjaya diselenggarakan

dengan kerjasama Yayasan AlManjie dan Muhibbah Foodbank).

Tahun 2023: 3,300 pek bakul (pelbagai) dan KPDN (sebanyak 13 daripada 20 permohonan telah diselenggarakan dengan kerjasama Mydin Holdings Sdn Bhd dan Muhibbah Foodbank).

Tahun 2024: 3,700 pek bakul makanan (bermula bulan Disember 2024). Program ini juga mencerminkan keberkesanan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan pelbagai pihak dalam menjamin pengagihan bantuan yang lebih meluas.

Ini menunjukkan usaha yang konsisten dalam memperkukuhkan jaringan sokongan kepada mereka yang memerlukan serta mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri Sembilan terhadap kebajikan rakyat.

Veerapan berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Lukut, Choo Ken Hwa (PH) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Projek jalan Gateway Seremban - Temiang - Sikamat

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan telah mengangkat dua permohonan kepada Kerajaan Persekutuan berkaitan projek Lingkaran Tengah Seremban bagi menyuraukan trafik di Bandar Seremban.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat-PH) berkata, dua projek tersebut ialah membina Jalan Lingkaran Tengah Seremban dari Interchange Temiang (LEKAS) ke Interchange Jalan Dato' Siamang Gagap, Sikamat.

"Membina Jalan Lingkaran Tengah dari Interchange Labu (Gateway) ke FT001 (Jalan Tun Dr. Ismail) dan ke Temiang, pada Rolling Plan-4, RMK-12 yang lalu kepada pihak Kementerian Kerja Raya.

"Pada masa ini kelulusan telah diberikan bagi melaksanakan Kajian Trafik terlebih dahulu, di bawah tajuk Kajian Trafik Bagi Membina Jalan Lingkaran Tengah Seremban dengan kos berjumlah RM500,000," jelas Aminuddin.

Aminuddin berkata, bagi cadangan perancangan menaiktaraf kerja-kerja menaiktaraf Jalan Tunggal Dua Lorong Dua Hala kepada Jalan Empat Lorong Dua Hala ini, antara beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan adalah seperti berikut:



- i. Impak sosial
- ii. Kos projek termasuk pengambiln tanah serta pengalihan utiliti
- iii. Kajian trafik
- iv. Level of Service jalan sedia ada berada pada LOS E atau LOS F

"Walau Bagaimanapun JKR Negeri Sembilan sentiasa mengambil input serta maklumat daripada Ahli Parlimen kawasan, ADUN kawasan, ketua masyarakat, penduduk setempat, agensi kerajaan mahupun pihak NGO serta pihak swasta dalam memberi cadangan dan pandangan bagi keperluan untuk me-

naiktaraf jalan-jalan sedia ada.

"Kita dapat lihat pembangunan yang berlaku di sebelah Selangor iaitu Beranang dibangunkan oleh pihak swasta, maka kita mengharapkan agar dengan perancangan yang kita jalankan, kita dapat membangunkan Kawasan Lingkaran Tengah," ujar beliau.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Lobak, Chew Seh Yong (PH) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Chew bertanya, adakah terdapat rancangan menaiktaraf Jalan Tun Dr. Ismail ke Jalan LEKAS menjadi empat lorong dua hala?

"Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menaik taraf jalan yang belum mempunyai empat lorong dua hala? tanya beliau.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, jalan yang dinyatakan Chew adalah Jalan Persekutuan FT001, Jalan Seremban – Beranang.

"Pada masa ini JKR tiada perancangan bagi menaiktaraf jalan tersebut," katanya.

Insentif Sekuriti Makanan diperkenalkan, menjamin bekalan makanan

SEREMBAN: Bagi memastikan keselamatan bekalan makanan, Kerajaan Negeri Sembilan telah memperkenalkan Insentif Sekuriti Makanan.

EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, insentif ini merangkumi naiktaraf infrastruktur ladang seperti sistem pengairan fertigasi, dan pemberian input pertanian seperti baja dan benih.

"Turut ditawarkan sokongan kepada industri asas tani, termasuk menaiktaraf bengkel dan peralatan pemprosesan makanan bagi meningkatkan pengeluaran makanan tempatan.

"Sehingga kini, dari tahun 2021 hingga 2024, sebanyak RM41.77



juta telah diperuntukkan untuk pelbagai inisiatif ini, memberi manfaat kepada 2,739 pengusaha.

"Bantuan ini turut merangkumi subsidi kos operasi ladang sehingga 20 peratus, yang membantu meningkatkan pendapatan mereka

sebanyak RM500 hingga RM1,000 sebulan.

"Outlet Agrobazaar FAMA juga memainkan peranan penting dalam menyediakan makanan pada harga mampu milik.

"Melalui pelaksanaan semua inisiatif ini, Kerajaan Negeri Sembilan komited memastikan sektor pertanian dan perikanan terus berkembang, sekaligus mengimbangkan isu jaminan bekalan makanan," kata Jalaluddin.

Jalaluddin berkata demikian bagi menjawab soalan daripada ADUN Gemencheh, Suhaimizan Bizar (BN) dalam sesi soal jawab Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Yang Ke-15.

Perancangan menambah kelas prasekolah di Negeri Sembilan



SEREMBAN: Unit Prasekolah dan Rendah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telah menghantar permohonan cadangan pembinaan satu bilik darjah Prasekolah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Port Dickson untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Exco Pendidikan, Dato' Ismail Lamsim (Senaling-BN) berkata, walaupun bagaimanapun cadangan tersebut tidak melepasi saringan pihak Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) kerana terdapat laluan dan talian paip bersempadan dengan SJKT Port Dickson di tanah yang telah dicadangkan (Surat Rujukan: SJKTPD/04/02/001 bertarikh 3 Februari 2021).

"Bagi permohonan Rancangan Malaysia Ke 13 (RMKe-13 RP1) juga permohonan telah dibuka kepada Pejabat Pendidikan Daerah untuk meng-

hantar permohonan bagi sekolah-sekolah yang berminat bagi penyediaan Senarai Perancangan Program Projek Baharu Pembangunan Pendidikan Rolling Plan (RP1) Tahun 2026 Rancangan Malaysia ke 13 (RMKe-13) Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia," kata Ismail.

Ismail berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Sri Tanjung, Dr P.Rajasekaran (PH) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Rajasekaran bertanya, apakah perancangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi menambah bilangan bangunan bagi prasekolah memandangkan kepadatan penduduk di Bandar Port Dickson.

Kementerian Kesihatan perhalusi waktu kerja jururawat



SEREMBAN: Exco Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO Negeri Sembilan, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman (Ampangan-PH) berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang memperhalusi waktu kerja (jam bekerja) petugas jururawat di hospital kerajaan.

"Berkenaan jam bekerja bagi petugas jururawat yang dibangkitkan oleh ADUN Kota, perkara ini telah pun mendapat perhatian Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr.Zulkefly Ahmad.

"Menteri Kesihatan akan perhalusi perkara ini dalam waktu

terdekat.

"Adalah menjadi keutamaan perkara-perkara yang mel-

ibatkan kebajikan, kesihatan dan kesejahteraan semua petugas-petugas perkhidmatan kesihatan, KKM khususnya dan pihak awam dan swasta yang lain tetap terjaga dan dibela," ujar beliau.

Tengku Zamrah berkata demikian semasa menjawab pertanyaan ADUN Kota, Suhaimi Aini (BN) dalam sesi soal jawab Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Yang Ke-15.



Sistem sewa payung pantai di Pantai Port Dickson bermula 16 Disember 2024

SEREMBAN: Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) telah mengambil inisiatif menangani isu khemah sewa di Telok Kemang secara menangan-menang (win-win situation).

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, J.Arul Kumar (Nilai-PH) berkata, berkuatkuasa 18 November 2024, tiada lagi aktiviti sewaan khemah dibenarkan di semua pantai Port Dickson.

"Bermula 18 November hingga 15 Disember 2024, MPPD telah melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan penyediaan plot bagi tujuan pelaksanaan kaedah baharu di Pantai Telok Kemang.

"Ini termasuk penggunaan payung pantai yang lebih tersusun dan terkawal.

"Penentuan kawasan khas untuk penempatan payung pantai melibatkan sebahagian kecil Pantai 2 Telok Kemang dan Pantai 3 Telok Kemang," ujar Arul Kumar.

Arul Kumar berkata, MPPD menyediakan hanya 33 plot perniagaan payung pantai berdasarkan kesesuaian lokasi.

"Setiap plot berukuran 40 kaki x 20 kaki.

"Perniagaan sewaan payung pantai hanya dibenarkan berada di plot masing-masing ber-



dasarkan keluasan yang telah dinyatakan.

"Berdasarkan jumlah peniaga semasa melebihi plot yang disediakan, kaedah undian peniaga yang layak akan dibuat oleh MPPD dalam tempoh terdekat.

"MPPD juga akan menyediakan lapan buah payung pantai, dua buah kerusi dan sebuah

meja yang bersesuaian bagi setiap plot," jelas Arul Kumar.

Arul Kumar berkata, tarikh jangkaan kaedah baharu sewaan payung pantai yang lebih cantik dan tersusun akan bermula pada 16 Disember 2024.

"MPPD akan memasang papan tanda beserta nombor hotline Jabatan Penguatkuasa bertujuan mengingatkan Pantai Telok Kemang merupakan pantai awam dan memudahkan aduan bagi sebarang salah laku penggunaan pantai awam.

"MPPD juga akan menaikkan pusat kawalan di Pantai 3 Telok Kemang bagi menempatkan anggota secara statik terutama pada hujung minggu dan cuti umum.

"MPPD menyediakan peruntukan secara one-off meliputi kos payung pantai, kerusi, meja, naik taraf plot, naik taraf kawalan dan papan tanda berkaitan, ulas Arul Kumar lagi.

Arul Kumar berkata demikian semasa menjawab pertanyaan ADUN Lukut, Choo Ken Hwa (PH) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.



Langkah atasi banjir di Lubok China dan Sungai Timun sedang dijalankan

SEREMBAN: Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Rembau akan melaksanakan projek pembangunan di lokasi berisiko banjir dengan lebih berstruktur, sesuai dengan keadaan geografi dan faktor cuaca semasa supaya dapat mengurangkan kerugian dan kemusnahan harta benda awam.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat-PH) berkata, perancangan pembangunan akan datang juga akan dilaksanakan dengan mendapatkan pandangan dari ja-

batan teknikal serta lantikan perunding.

"Pejabat Daerah dan Tanah Rembau akan bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam menyelaras atau melaksanakan program yang boleh mengatasi dan membantu mengurangkan isu banjir di Lubok China dan Sungai Timun.

"Kawasan Lubok China adalah berada di dalam jajaran Sungai Rembau, di mana kerja-kerja penyelenggaraan sungai dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Yayasan Negeri Sembilan.

"Kerja yang dijalankan melalui kaedah timbal balik hasil secara mengeluarkan, mengalihkan dan mengangkut bahan batuan (pasir sungai) sejak tahun 2020.

"Manakala bagi Sungai Timun yang berada di dalam jajaran Sungai Pedas, tindakan dalam mengatasi kejadian banjir akan dilaksanakan di bawah projek tebatan banjir iaitu Projek Pembangunan Lembangan Sungai Pedas yang telah bermula pada 11 November 2024 dan dijangka siap pada 10 November 2026," jelas Aminuddin.

Beliau menambah, bagi tindakan jangka masa panjang, permohonan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Rembau akan dimohon dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) peringkat Persekutuan dan Negeri.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Kota, Suhaimi Aini (BN) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Liputan jalur lebar: 27 menara telekomunikasi baharu siap dibina

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) sedang aktif memperluas liputan jalur lebar, khususnya untuk kawasan luar bandar.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, 27 menara telekomunikasi baharu telah siap dibina, dengan lapan menara yang sudah beroperasi sepenuhnya di beberapa lokasi termasuk Kampung Tarun (Seremban), Kampung Jombang (Kuala Pilah), dan Kilang Sawit Serting Hilir (Jempol).

Exco Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Dato Mohd Faizal Ramli (Linggi-BN) berkata, baki 19 menara dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2024 atau lebih awal jika kerja-kerja penyi-



pan berjalan dengan lancar.

"Selain itu, kerajaan turut merancang pembangunan 149 tapak 5G

di kawasan yang lebih padat penduduknya, dengan peluasan ke kawasan luar bandar yang dijangka mulai tahun ini.

"Kerajaan Negeri Sembilan juga bekerja sama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) serta penyedia infrastruktur seperti Edotco Malaysia bagi memastikan pemasangan gentian optik yang menghubungkan menara-menara ini dapat mempercepat pencapaian internet di kawasan pedalaman.

"Inisiatif ini bertujuan memastikan semua rakyat, termasuk di kawasan pedalaman, dapat menikmati akses digital yang setara, sekali gus menyokong visi Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2025 dan

Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2027.

"Dengan adanya perancangan ini, maka Kerajaan Negeri berkemampuan untuk memperkukuhkan ekonomi digital dan menarik lebih banyak pelaburan di Negeri Sembilan, dengan matlamat utama untuk meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat melalui akses kepada teknologi dan peluang digital yang lebih luas," kata beliau.

Faizal berkata demikian bagi menjawab soalan daripada ADUN Rahang, Desmond Siau Meow Kong (PH) dalam sesi soal jawab Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Yang Ke-15.

Produk pelancongan diperkasa hadapi Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026

TAHUN Melawat Negeri Sembilan (TMNS26) akan dianjurkan pada tahun 2026. Penganjuran TMNS26 ini tidak hanya bertumpu kepada produk-produk pelancongan malahan ia juga boleh dipromosikan melalui kesenian dan kebudayaan Negeri Sembilan.

Keunikan Adat Perpatih yang juga merupakan salah satu daripada 9 Identiti Negeri Sembilan perlulah giat dipromosikan kerana ianya merupakan salah satu adat yang masih digunapakai di Malaysia.

Di dalam usaha mempromosi dan menyemarakkan seni budaya di negeri ini, sudah tentunya perlu berada di landasan 9 Identiti Negeri Sembilan yang telah diisytiharkan.

Di antaranya ialah alat muzik Cak Lempeng, Dikir Rebana, Persembahan Tarian Piring Lambung, Randai, Teromba dan Tumbuk Kalang.

Kebanyakan kesenian ini dapat dilihat pada program-program dan majlis-majlis keraian dan juga program teater.

Selain daripada itu, Baju Kebaya Setengah Tiang, Telepok dan Bungo Lado juga telah dipromosikan melalui pemakaian di majlis-majlis tertentu.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan turut berperanan membantu memartabatkan seni dan budaya berlandaskan 9 Identiti Negeri Sembilan.

Sekolah Seni juga dilihat berpotensi untuk melatih anak-anak mendalami muzik dan tarian Negeri Sembilan seterusnya dapat diwarisi supaya ianya tidak ditelan dek zaman.

Kesenian tidak hanya dizahirkan



melalui persembahan kebudayaan semata-mata malahan turut melalui penghasilan kraftangan seperti rotan, buluh, ukiran kayu dan logam serta batik.

Melalui seni kraftangan ini, produk-produk kraftangan seperti baju batik, kerongsang dan tas tangan dan pelbagai produk cenderahati dapat dihasilkan.

Seperti yang dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lenggeng, Dato' Mohd Asna Amin (BN), kraftangan tersebut boleh didapati di ruang pameran aras bawah Bangunan White House selain program promosi jualan kraftangan di gedung membeli belah terpilih di Negeri Sembilan.

Beberapa usaha sedang digiatkan bagi menghadapi Tahun Melawat Negeri Sembilan (TMNS26) antaranya adalah:

a) Memperkasakan produk-produk pelancongan di setiap daerah di Negeri Sembilan dengan memastikan terdapa-

nya kemudahan asas di lokasi produk-produk tersebut bagi keselesaan pelancong.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan Belanjawan Tahun 2025 yang telah dibentangkan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, sejumlah RM7.35 juta telah diperuntukkan bagi Pembangunan Produk Pelancongan yang dilihat sangat bertepatan dengan persediaan memperkasakan produk-produk pelancongan menjelang penganjuran TMNS26.

b) Penghasilan pakej pelancongan yang berpotensi bagi menarik kedatangan pelancong dalam dan luar negara termasuk negara berpendapatan tinggi melalui PESONA di setiap daerah; dan

c) Penganjuran acara-acara pelancongan yang berimpak tinggi di mana perancangan telah dimulakan sejak tahun 2024 dan akan dilaksanakan bermula tahun 2025.

Antara acara yang dikenalpasti mampu menarik kehadiran pengunjung dan pelancong adalah NS Fest yang telah mencatatkan seramai 1.147 juta orang pengunjung bermula 27 Julai hingga 3 Ogos 2024 seterusnya mencatatkan jumlah jualan yang memberangsangkan iaitu sebanyak RM4.316 juta.

Kita amat berbesar hati di atas kerjasama dan keterlibatan EXCO dan ADUN dalam menjayakan program pelancongan dan seterusnya dapat bersama-sama menjadi duta dan ejen mempromosikan pelancongan Negeri Sembilan dalam persediaan menganjurkan TMNS26.

Dengan memperluaskan sektor pelancongan negeri ini, masa depan Negeri Sembilan akan lebih utuh dan mampan.

Kita tidak lagi bergantung hanya kepada sektor pertanian dan perkhidmatan sebagai sumber penajaan hasil negeri.

Sektor pelancongan juga akan menjadi 'gold basket' untuk Negeri Sembilan dalam masa terdekat.

Ini bukan sahaja kerana kita mendapat perhatian dari pihak Kerajaan Persekutuan, tetapi komitmen semua YB EXCO yang dipimpin oleh YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat) sentiasa memikirkan sumber baharu untuk menjaga pendapatan Negeri.

Ini sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan di Negeri Sembilan telah berjaya menunjukkan konsensus antara ahli politik walaupun dari parti yang berbeza ideologi boleh duduk semeja dengan mendahulukan keutamaan Negeri dan rakyat.

Negeri Sembilan telah keluar dari kepompong politik sempit.

Imej keharmonian seperti ini akan memberikan keberkatan kepada kerajaan ini yang dipimpin oleh YAB Sikamat.

Nicole Tan Lee Koon

Exco Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kepayang

Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15.

Manfaat besar Belanjawan 2025 kepada golongan belia



DR. MOHD FAUZI FADZIL
Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan
Majlis Belia Malaysia

BELANJAWAN 2025 Kerajaan Persekutuan yang bertemakan 'Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat' dilihat memberi banyak penumpuan terhadap usaha mensejahterakan rakyat secara umum dan membangunkan belia secara khusus.

Terdapat tiga elemen penting yang diberi penumpuan oleh Kerajaan MADANI dalam membangunkan belia melalui Belanjawan 2025 iaitu kehidupan yang stabil, peningkatan ilmu dan pengembangan sosial.

Pembangunan belia dari sudut kehidupan yang stabil di dalam Belanjawan 2025 dapat dilihat melalui kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 yang memberi impak besar kepada lebih sejuta pekerja belia di Malaysia.

Selain itu, dalam memastikan golongan belia mempunyai kehidupan yang stabil maka 'Skim Step Up Financing' diperkenalkan dengan tawaran bayaran balik pinjaman yang lebih rendah bagi tempoh lima tahun pertama untuk golongan belia yang ingin memiliki rumah pertama.

Usaha ke arah memastikan golongan belia mempunyai kehidupan yang stabil turut dilakukan dengan memperkenalkan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang menggalakkan golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan melalui perun-



tukan sebanyak RM20 juta.

Seterusnya Belanjawan 2025 membantu membangunkan belia melalui elemen peningkatan ilmu, Program Anak Kita dan Sokongan TVET adalah inisiatif yang diperkenalkan untuk menangani isu keciciran pendidikan melibatkan 80,000 belia di Malaysia dengan memfokuskan kepada minat dalam bidang TVET.

Program Latihan Industri Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (LiKES) turut diperkenalkan sebagai pemangkin terhadap elemen peningkatan ilmu.

Program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama TalentCorp bagi membolehkan syarikat melatih mahasiswa dalam bidang STEM.

Belanjawan 2025 memperkenalkan Program Belia Kreatif MADANI untuk meningkatkan ilmu dalam kalangan belia melalui penggalakkan bengkel

kemahiran videografi, kandungan kreatif, pembangunan komuniti filem serta pertandingan filem pendek dengan harapan ia dapat memeriahkan lagi industri penciptaan idea dan kreatif.

Elemen terakhir terkait pembangunan belia yang cuba dibangunkan oleh Belanjawan 2025 adalah pengembangan sosial dan bagi mencapai hasrat tersebut maka Program Latihan Khidmat Negara 3.0 (PLKN 3.0) diperkenalkan semula supaya dapat memperkukuhkan jati diri dan semangat kenegaraan di kalangan belia.

Program Rakan Muda yang baru diperkenalkan semula turut diperkasakan di dalam Belanjawan 2025 demi membangunkan belia untuk menjadi generasi yang dinamik, berdaya tahan dan inovatif.

Belia yang berkembang baik dari segi sosial perlu terlibat

secara konsisten dalam aktiviti sukan, justeru Belanjawan 2025 memperuntukkan dana untuk Penyelenggaraan Kemudahan Belia dan Sukan serta Geran Padanan Sukan.

Melalui dua inisiatif tersebut maka golongan belia akan mempunyai akses kepada fasiliti sukan yang berkualiti serta mereka akan digalakkan untuk menganjurkan pertandingan sukan menggunakan platform persatuan dan NGO.

Secara keseluruhannya Belanjawan 2025 dilihat sebagai usaha Kerajaan Madani memberi ruang kepada golongan belia untuk menyumbang secara aktif dalam pembangunan negara sekaligus menjadi pemacu utama reformasi negara yang inklusif.

Program Belia Kreatif Madani digerakkan bagi menarik minat generasi muda menceburi bidang seni kreatif.

FAHMI FADZIL
Menteri Komunikasi

MALAYSIA MADANI

MEMBUGAR EKONOMI, MENJANA PERUBAHAN, MENSEJAHTERA RAKYAT

RM20 JUTA

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)
Menggalakkan generasi belia menceburi bidang perniagaan

TUBE
Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)

www.kuskop.gov.my | officialmedmalaysia | OfficialKUSKOPMalaysia | KUSKOPMalaysia | kuskopmalaysia

TalentCorp

LiKES
OLEH TALENTCORP

Geran Padanan Latihan Industri Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (LiKES)

Tambahan Geran Padanan RM10 Juta di bawah inisiatif LiKES oleh TalentCorp untuk syarikat yang melatih mahasiswa dalam bidang STEM menerusi latihan industri.

www.talentcorp.com.my/LiKES

TalentCorpMalaysia | www.talentcorp.com.my

BELIA

Program Latihan Khidmat Negara 3.0 akan dimulakan secara rintis dengan konsep baharu melibatkan peruntukan **RM50 juta**

RM25 juta Pelaksanaan Program Rakan Muda bagi menjadi wadah pembinaan potensi dan identiti belia berjati diri

RM5 bilion Skim Step Up Financing untuk golongan muda yang ingin memiliki rumah pertama

11 warga emas disantuni Sufian, terima sumbangan kewangan



Pusat Khidmat Rakyat DUN Seri Menanti telah mengadakan program Ziarah Kasih bagi menyantuni warga emas yang keuzuran dan kurang berkemampuan.

ADUN Seri Menanti, Muhammad Sufian Maradzi berkata, beliau telah mengadakan siri lawatan Ziarah Kasih ke tiga buah kampung di DUN Seri Menanti iaitu Kampung Gunung Pasir, Kampung Pulau dan Kampung Mertang Galau. "Ziarah ini lebih kepada untuk mendekati penduduk kampung secara lebih dekat agar tiada siapa pun yang tertinggal.

"Seramai 11 individu menerima sumbangan kewangan daripada saya dan saya berharap sumbangan ini sedikit sebanyak meringankan beban penerima bantuan," kata Muhammad Sufian.

Penerima sumbangan kewangan daripada Muhammad Sufian adalah Ahibbah Alias, Azizah Ahmad, Fatimah Abd Rahman, Abd Hadi Malik dan Ramnah Jaalam dari Kampung Gunung Pasir.

Turut menerima sumbangan kewangan ialah Khalil Sameran, Norsham Othman dan Talib Musa dari Kampung Pulau.

Kontraktor baharu mulakan kerja pemotongan rumput di Bandar Baru Nilai



Kontraktor yang baru dilantik dipercayai dapat mengatasi masalah kawasan landskap yang tidak terurus di Bandar Baru Nilai.

ADUN Nilai, J.Arul Kumar berkata, kawasan tersebut tidak terurus sebelum ini adalah disebabkan kelewatan melantik kontraktor sehingga tiga bulan.

"la secara tidak langsung mengakibatkan banyak kawasan dinaiki semak samun.

"Walau bagaimanapun, masalah diyakini dapat diatasi dengan pelantikan kontraktor yang baru ini.

"Mereka menyediakan seku-

rang-kurangnya 15 orang pekerja di lapangan setiap hari untuk menjalankan kerja pemotongan rumput dan landskap.

"Saya juga turut meminta pihak Majlis Bandaraya Seremban untuk sentiasa melakukan pantauan dari semasa ke semasa.

"Saya juga berharap agar landskap di Bandar Baru Nilai dapat dipulihkan dan kembali seperti dua atau tiga tahun yang lalu.

"Ini supaya persekitaran di kawasan ini dapat memberikan suasana yang selesa dan indah untuk penduduk serta pengunjung luar," kata Arul Kumar.

Pak Mus tunai hasrat terakhir Tok Batin Kampung Orang Asli Sungai Kelai



ADUN Palong, Mustapha Nagoor telah merasmikan gelanggang sepak takraw Sungai Kelai yang siap dibaikpulihan.

"Terlebih dahulu saya telah melawat keluarga mendiang Tok Batin Sungai Kelai yang baru-baru ini telah meninggal dunia di rumahnya di Sungai Kelai.

"Saya doakan keluarga mendiang tabah dan sabar di atas dugaan ini.

"Usaha membaik pulih gelanggang sepak takraw ini merupakan antara hasrat terakhir mendiang

ketika hidupnya.

"Saya juga menghadihkan beberapa bola takraw dan jaring untuk kegunaan warga Sungai Kelai untuk bermain sepak takraw," kata Mustapha.

Dalam pada itu, Mustapha juga berkesempatan untuk mendengar masalah dan rintihan penduduk.

"Saya akan berusaha dan mencari jalan untuk menyelesaikan beberapa isu setempat yang telah diutarakan dan yang berlaku di Sungai Kelai ini," jelas Mustapha.

Pasca pembersihan banjir Tampin: Isam rakam penghargaan



Ahli Parlimen Tampin, Dato' Mohd Isam Mohd Isa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jabatan kerajaan, agensi kerajaan, NGO, parti politik dan orang perseorangan sama ada dalam Daerah Tampin mahupun dari luar daerah di atas sumbangan tenaga, masa, dan sumber dalam membantu program pembersihan pasca banjir di Daerah Tampin.

Mohd Isam berkata, program pembersihan Pasca Banjir Parlimen Tampin telah diadakan di Taman Pinggiran Sungai Kelamah dan Fel-da Jelai Empat.

"Kami di Parlimen Tampin ingin merakamkan kehadiran dan komitmen anda semua yang telah memberikan harapan dan semangat

baru kepada kami yang terkesan dengan bencana ini.

"Bantuan yang diberikan, baik dalam bentuk tenaga kerja mahupun peralatan, amat kami hargai dan telah mempercepatkan proses pemulihan kawasan ini.

"Semoga usaha murni ini diberkati dan menjadi inspirasi kepada semua pihak untuk terus saling membantu dalam menghadapi cabaran bersama.

"Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu, Jempol, Rembau, Seremban, Port Dickson dan Kuala Pilah yang turut membantu kami di Parlimen Tampin," kata Mohd Isam.

150 warga emas terima bantuan RM30,000 dari Zaifulbahri



Seramai 150 orang warga emas yang berusia 70 tahun ke atas dari DUN Palong telah menerima Sumbangan Keceriaan Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan sebanyak RM200 daripada **ADUN Chembong**, Dato' Zaifulbahri Idris.

"Sumbangan kepada warga emas ini adalah Fasa Ketujuh daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

"Saya berharap sumbangan ini dapat memberi keceriaan kepada 150 penerima yang layak dari DUN

Chembong.

"Sumbangan ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menghargai golongan warga emas dan ia diharapkan dapat memberi kegembiraan kepada warga emas yang menerima bantuan ini.

"Warga emas berumur 70 tahun ke atas akan menerima sumbangan keceriaan tahunan bernilai RM200 secara one-off," kata Zaifulbahri.

Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing



Semangat muafakat terpancar apabila barisan ADUN Negeri Sembilan daripada 'Democratic Action Party' (DAP) berganding bahu membantu mangsa banjir yang terjejas di Kampung Baru Dangi dan Pekan Jelai.

ADUN Seremban Jaya, P. Gunasekaran berkata, usaha ini sebagai bukti kerjasama erat antara pemimpin dan rakyat, dengan misi utama membantu mangsa banjir melakukan kerja-kerja pembersihan dan menyerahkan bantuan.

"Lebih 70 sukarelawan menyertai usaha ini, termasuklah ADUN Bahau, Teo Kok Seong; ADUN Bukit Kepayang, Nicole Tan Lee Koon, serta Timbalan Pengerusi DAP Melaka, G.Saminathan, bersama ramai lagi," ujar Gunasekaran dengan penuh penghargaan.

Beliau turut meluahkan rasa terima kasih kepada semua pihak yang turun padang dan menyumbang tenaga dalam misi ini.

"Dengan bantuan ramai, kerja-kerja pembersihan berjalan lancar dan teratur.

"Ia memberikan kelegaan besar kepada mangsa-mangsa banjir," tambahnya.

Inisiatif ini bukan sahaja meringankan beban mangsa banjir tetapi juga memperkukuh nilai perpaduan dan saling membantu dalam masyarakat.

Ribuan penghargaan diberikan kepada semua sukarelawan yang membuktikan makna sebenar pepatah 'Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Faizal tinjau lokasi kerap kemalangan di Kampung Bukit Tembok



ADUN Linggi, Dato' Mohd Faizal Ramli telah turun padang bagi meninjau kawasan kerap kemalangan di Kampung Bukit Tembok.

Faizal berkata, tinjauan tersebut adalah bagi menilai langkah-langkah keselamatan yang boleh diambil bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.

"Antara kawasan yang menjadi perhatian adalah persimpangan Eagle Ranch hingga ke persimpangan Sungai Raya.

"Perbincangan bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sembilan, polis dan Ketua Kampung Bukit Tembok telah diadakan.

"Antara cadangan yang diutarakan

adalah termasuk memasang papan tanda amaran, lampu isyarat keselamatan, pembatas kelajuan dan penghadang keselamatan di sepanjang laluan yang berisiko tinggi.

"JKR akan melakukan kajian terperinci sebelum melaksanakan langkah yang diutarakan.

"Perkara ini diambil serius bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan mengurangkan insiden kemalangan di kawasan yang menjadi perhatian ramai.

"Orang ramai turut diingatkan supaya sentiasa mematuhi peraturan jalan raya dan mengutamakan keselamatan semasa memandu," kata Mohd Faizal.

Kerja-kerja menurap laluan pejalan kaki SK Port Dickson sedang berjalan



Kerja-kerja membina dan menurap laluan pejalan kaki ke Sekolah Kebangsaan Port Dickson sedang giat dijalankan.

ADUN Sri Tanjung, Dr P.Rajasekaran berkata, projek membina dan menurap laluan pejalan kaki ke Sekolah Kebangsaan Port Dickson ini perlu kerana ia merupakan kemudahan infrastruktur yang asas.

"Apabila projek ini siap, ia akan

memudahkan pergerakan pelajar dan ibu-bapa yang datang ke sekolah.

"Dalam pada itu, sepanjang kerja-kerja membina dan menurap laluan ini dijalankan, anggota RELA telah dikerahkan bagi mengawal lalu lintas dan melindungi pelajar yang melintas jalan utama," kata Rajasekaran.



Aspirasi PERPADUAN Negeri Sembilan

SKIM SEJAHTERA RAKYAT

RM29.75 JUTA

1 RM1.60 JUTA

BAYI DAN KANAK-KANAK

Caruman (*one off*) Skim Simpanan Pendidikan Nasional **RM100** seorang kelahiran baharu anak-anak Negeri Sembilan



2 RM0.15 JUTA

PELAJAR SEKOLAH

Bantuan kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh, **RM300** x 500 pelajar



3 RM2.50 JUTA

SISWAZAH

RM5,000 Anugerah Khas menamatkan pengajian dengan keputusan ijazah Kelas Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam



4 RM4.50 JUTA

SISWA

Bantuan khas kemasukan ke IPTA sebanyak : **RM1,000** Ijazah Sarjana Muda, **RM750** Diploma, **RM500** Sijil



5 RM5.00 JUTA

BELIA

Bantuan perkahwinan **RM500** anak negeri yang mendirikan rumah tangga kali pertama



6 RM1.20 JUTA

IBU TUNGGAL

Sumbangan Keceriaan tahunan (*one-off*) **RM200** kepada ibu tunggal senarai e-Kasih



7 RM14.80 JUTA

WARGA EMAS berumur 70 tahun ke atas

Sumbangan Keceriaan (*one-off*) **RM200** kepada pemohon yang merupakan pengundi berdaftar di Negeri Sembilan yang berpendapatan tidak melebihi **RM3,000.00**



KRITERIA KELAYAKAN UMUM:

- Permohonan perlu dilakukan kecuali penerima yang layak dalam senarai e-Kasih
- Dikhaskan untuk pengundi berdaftar di Negeri Sembilan
- Menyertakan dokumen pembuktian dan pengesahan yang berkaitan



BELANJAWAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 2025

NEGERI SEMBILAN RM1.0 BILION 2030

Aspirasi PERPADUAN Negeri Sembilan

BERSAMA MEMBINA NEGERI MADANI

Aspirasi PERPADUAN Negeri Sembilan

RM26.15 JUTA
23 INSIATIF BAHARU

66 INSIATIF
RM96.2 JUTA
9 BIDANG TUMPUAN

RM70.08 JUTA
43 INSIATIF SEDIA ADA

Ringkasan Belanjawan

HASIL RM590 JUTA

MENGURUS (Termasuk Caraman Kapada Kumpulan Wang Pembangunan) RM590 JUTA

PEMBANGUNAN RM135 JUTA

BELANJAWAN BERIMBANG

BIDANG TUMPUAN 1 • RM6.35 JUTA

Kemampuan Ekonomi Rakyat

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM0.15 JUTA Program Pemerkasa TVET
- RM2.00 JUTA Jualan Nismlan Prihatin
- RM0.50 JUTA Hotel Kota
- RM0.20 JUTA Karnival Karjaya Dan Kesejahteraan Pekerja
- RM3.00 JUTA Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS)
- RM0.50 JUTA Program NS Choice

BIDANG TUMPUAN 2 • RM8.63 JUTA

Keterjaminan Makanan

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM0.50 JUTA Program Touchpoint Tanaman Buah-Buahan
- RM3.00 JUTA Pembinaan Pavilion Kekal@MAHA
- RM2.05 JUTA Insentif Keterjaminan Bekalan Makanan
- RM1.00 JUTA Program Touchpoint-MUAFAKATANI
- RM1.00 JUTA Insentif Calakan Pengeluaran Bekalan Makanan
- RM0.50 JUTA Insentif Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian
- RM0.48 JUTA I-NPOR (Insentif Peningkatan Populasi Ruminan)
- RM0.10 JUTA Program I-NPAK (Insentif Penanaman Napier, Pastura Dan Kekacang)

BIDANG TUMPUAN 3 • RM19.66 JUTA

Pendidikan

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM0.30 JUTA Pembinaan Generasi Cilik A1
- BAHARU** RM0.40 JUTA Blok Tambahan Kelas SMA Sains Kuala Pilah (Kos Projek RM1.50 Juta)
- BAHARU** RM0.10 JUTA Asrama SMA Chua (Kos Projek RM7.00 Juta)
- BAHARU** RM0.14 JUTA 1/2 Bulan Elaun Kepada Guru Kafa Tulen Yang Cuti Bersalin Untuk 2 Bulan
- BAHARU** RM0.12 JUTA Elaun Khas Guru Besar Sekolah Agama Rakyat & Elaun Khas Penyelaras Kafa Di Premis KPM
- BAHARU** RM0.50 JUTA Program Post Track Lepasan Tahfiz
- RM1.00 JUTA Bantuan Anak Sekolah (N9 BAS)
- RM0.80 JUTA Bantuan Anak Negeri (N9 BAN)

BIDANG TUMPUAN 3 • RM19.66 JUTA

Pendidikan (Sambungan)

Bersama Membina Negeri MADANI

- RM1.00 JUTA Tabung Penyelenggaraan Sekolah
- RM3.35 JUTA Bantuan Peranti Mudah Alin (Pelajar Tingkatan 6 Dan Ke Atas)
- RM2.00 JUTA Bantuan Sekolah Tahfiz/SJK/SJKT/Swasta
- RM3.60 JUTA Skim Dermasiswa Sara Hidup (Pelajar IPTA)
- RM1.00 JUTA Pinjaman Pendidikan Tanpa Pledge (Master/Ph.D Di IPTA)
- RM0.10 JUTA Insentif Khas Galakan Kecemerlangan smp/smpk/smpm
- RM5.25 JUTA Insentif Dan Bantuan Pelajar TVET KAYNS

BIDANG TUMPUAN 4 • RM16.47 JUTA

Pemerkasaan Komuniti

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM1.00 JUTA Program Pencehayaan Kampung
- BAHARU** RM0.50 JUTA Sentuhan MADANI FELDA
- BAHARU** RM0.16 JUTA Pewujudan 6 JPKK Baharu
- BAHARU** RM0.40 JUTA Pelan Pembangunan Luar Bandar NSDK 2026-2045
- BAHARU** RM2.00 JUTA Penyelenggaraan Rumah Pangsa Kos Rendah Dan Sederhana Rendah Swasta
- BAHARU** RM0.50 JUTA Penguatkuasaan Komuniti MADANI
- RM1.00 JUTA Program Perlusan Kampung Desa Muafakat
- RM0.31 JUTA Ceran Aktivi Kampung Orang Asli
- RM1.00 JUTA Menyelenggara Taman-Taman Awam
- RM3.10 JUTA Selenggara Infra Rumah Awam
- RM5.00 JUTA Rumah Harapan Rakyat
- RM1.50 JUTA ERAT@NS

BIDANG TUMPUAN 5 • RM19.93 JUTA

Kerohanian & Agama

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM0.56 JUTA Caruman PERKESO Bilal Slak
- BAHARU** RM10.50 JUTA Pembinaan Masjid-Masjid Baharu
- RM5.08 JUTA Elaun Bilal, Slak Dan Pembantu Am Wanita
- RM0.17 JUTA Elaun Guru Takmir
- RM1.01 JUTA Elaun Guru Kafa
- RM2.00 JUTA Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI)
- RM0.60 JUTA Program Pembinaan Karakter Bangsa

BIDANG TUMPUAN 6 • RM10.40 JUTA

Pemerkasaan Belia, Wanita & Sukan

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM1.00 JUTA Kejujahan Sukan Negeri Sembilan (SUKNES) 2025
- RM2.20 JUTA Geran Aktivi JPKK Dan Geran Belia & Beliawanis
- RM1.20 JUTA Bantuan Care For You (CAU) Ibu Tunggal
- RM3.00 JUTA Program Pemerkasaan Infrastruktur Sukan
- RM5.00 JUTA Pengurusan Dan Pemerkasaan Belia Dan Sukan

BIDANG TUMPUAN 7 • RM12.46 JUTA

Pelancongan, Adat & Budaya

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM0.50 JUTA Inisiatif TAC@NB
- RM5.00 JUTA Geran Pengurusan Dan Aktivi Pelancongan
- RM0.50 JUTA Ceran Aktivi Adat
- RM0.60 JUTA Promosi Pelancongan
- RM7.35 JUTA Pembangunan Produk Pelancongan
- RM0.50 JUTA Perpatih Fest

BIDANG TUMPUAN 8 • RM1.00 JUTA

Kelestarian Alam Sekitar

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM0.36 JUTA Kempen Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna
- BAHARU** RM0.14 JUTA Penguatkuasaan Dalam Hutun Simpanan kekal
- RM0.50 JUTA Pengurusan Sisa Pepejal Luar Bandar

BIDANG TUMPUAN 9 • RM1.34 JUTA

Kebajikan

Bersama Membina Negeri MADANI

- BAHARU** RM0.22 JUTA Sentuhan Prihatin OKU
- RM0.50 JUTA Bantuan Parolohan Alat Implan Ortopedik
- RM0.12 JUTA Rumah Minda Ceria
- RM0.50 JUTA Bantuan Rawatan Pembedahan AV Fistula Bagi Penderita Hemodialisis

Aminuddin rasmi Surau Anggun SMK Warisan Puteri

SIKAMAT: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah merasmikan Surau Anggun Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Warisan Puteri.

"Surau Anggun SMK Warisan Puteri merupakan salah satu simbol dan doa yang berterusan daripada warga SMK Warisan Puteri dan Alhamdulillah berkat usahasama daripada Anggun Cotton Collection, surau ini berjaya didirikan.

"Saya yakin dengan terbinanya surau ini, sudah pasti akan dimanfaatkan sepenuhnya dengan menganjurkan program kerohanian dan insaniah yang boleh memberi impak yang besar kepada warga SMK Warisan Puteri," kata Aminuddin.

Turut diadakan Majlis Bacaan Yasin, Solat Hajat bersama calon

SPM 2024.

Dalam pada itu, Aminuddin juga memberikan sumbangan kewangan menerusi Anugerah Kecemerlangan SPM 2023 kepada tujuh pelajar SMK Warisan Puteri yang mencatatkan keputusan cemerlang.

"Kepada anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan SPM 2024.

"Korbankan masa sedikit, berikan komitmen yang penuh kepada pelajaran, kerana peperiksaan ini bakal menentukan hala tuju anak-anak di peringkat seterusnya.

"Insya-Allah saya sentiasa mendoakan kepada semua anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan SPM untuk mencapai keputusan yang cemerlang," ujar Aminuddin yang juga ADUN Sikamat.



Dua pelajar Malaysia menang 'Queen's Commonwealth Essay Competition 2024'

PUTRAJAYA: Dua pelajar sekolah dari Malaysia berjaya memenangi 'Queen's Commonwealth Essay Competition 2024'.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dalam hantaran Facebook beliau mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pelajar tersebut.

"Tahniah atas kejayaan adik Evangeline Khoo

Ke Ying dari Sekolah Menengah Kebangsaan Manjalara, Kuala Lumpur dan adik Erynn Liew dari Puchong, Selangor kerana telah mengharumkan nama negara dengan masing-masing memenangi Anugerah kategori 'Senior Winner' dan 'Junior Winner' bagi Queen's Commonwealth Essay Competition 2024," kata beliau.

Pelajar Kolej Tingkatan Enam Tuanku Muhriz terima Simkad percuma

SEREMBAN: Pelajar Kolej Tingkatan Enam Tuanku Muhriz terima Simkad percuma daripada Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Pengarah Yayasan Negeri Sembilan, Dato' Muhammad Nazri Kassim, mewakili Aminuddin.

"Simkad percuma ini ditaja oleh syarikat telekomunikasi CelcomDigi dengan kerjasama Yayasan Negeri Sembilan. "Objektif utama serahan ini adalah bagi membantu meringankan beban pelajar dalam menuju ke arah Industrial Revolution (IR) 5.0.

"Semoga dengan serahan simkad ini, ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar dalam usaha menimba ilmu demi kecemerlangan masa depan," kata Muhammad Nazri.



Kamarul Shahril dari SK Senawang tercalon Top 10 Malaysia Prize Teacher

SEREMBAN: Cikgu Kamarul Shahril Kamarudin yang merupakan Guru Muzik dari Sekolah Kebangsaan (SK) Senawang tercalon dalam Top 10 Ma-

laysia Prize Teacher, anjuran Pemimpin GSL Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ini satu acara yang memilih

10 guru terbaik di Malaysia dengan inovasi masing-masing demi kemenangan anak murid.

Kamarul Shahril merupakan wakil tunggal dari Negeri Sembilan.

Beliau memperjuangkan Pendidikan Muzik sejak dari sekolah rendah supaya lebih dipandang tinggi dan menunjukkan bahawa muzik

juga merupakan satu kerjaya.

Setakat ini SK Senawang sahaja bagi sekolah rendah di Malaysia yang mempunyai pasukan Band, Rekorder, Angklung, Ukulele dan Cak Lempong dan sering memenangi pertandingan bagi peringkat Negeri Sembilan serta kebangsaan.



MAINS taja Program Mantap Math STEM: 1,000 pelajar SABK dapat Manfaat



SEREMBAN: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menaja program Mantap Math STEM, yang berjaya melibatkan seramai 1,000 pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh Negeri Sembilan dari Ogos hingga November 2024.

Program ini merupakan inisiatif bersama dengan Unit Sains dan Matematik (USM), Sektor Pendidikan Islam (SPI) Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) sebagai penyelar, dan Kaizen Improvement Solution sebagai koordinator.

la bertujuan meningkatkan penguasaan asas Algebra Matematik pelajar sekaligus menarik minat mereka terhadap bidang STEM.

"Program ini direka khusus untuk pelajar SABK yang menghadapi kesukaran dalam Matematik.

"Melalui modul Mantap Asas Algebra, pelajar didedahkan kepada latihan intensif selama enam jam yang berfokus kepada konsep asas Matematik," kata Shahrul Badriyah dari USM JPNS.

Penilaian menunjukkan kejayaan memberangsangkan apabila 50 peratus pelajar mencatat peningkatan dalam keputusan mereka berdasarkan pre-test dan post-test.

"Ini membuktikan keberkesanan pendekatan berstruktur yang kami laksanakan," tambah Dr. Muhammad Harith dari Kaizen Improvement Solution.

Program ini mendapat sokongan penuh pelbagai pihak, termasuk Pengurus Pusat Zakat MAINS, Mahadi Ali; Ustaz Jamaludin dan

Ustaz Affendy (SPI JPNS), serta tenaga pengajar berpengalaman seperti Cikgu Hanif Ibrahim.

Dengan impak positif ini, MAINS berharap program seumpama ini dapat diteruskan dan dikembangkan ke lebih banyak sekolah sebagai persediaan pelajar untuk bersaing dalam bidang STEM di masa hadapan.

Kerjasama ASEAN dan China bakal lonjak pertumbuhan ekonomi serantau

SHANGHAI: Malaysia akan menggunakan kedudukan selaku Pengerusi ASEAN tahun depan untuk mempertingkatkan kerjasama serantau, antaranya menerusi penganjuran Sidang ASEAN+GCC+China, yang bakal melonjak pertumbuhan serantau serta merapatkan kesenjangan dalam perdagangan, pelaburan dan kemajuan ekonomi.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata demikian di Majlis Pembukaan Ekspo Import Antarabangsa China (CIIE) bersama-sama delegasi Malaysia di Shanghai.

"Sewaktu berucap selepas pidato pembukaan oleh Premier Li Qiang, saya tegaskan betapa tema 'New Era Shared Future' yang diangkat dalam CIIE Ke-7 ini begitu relevan tatkala dunia bergelut dengan sikap unilateralisme, perlindungan melampau, perpecahan dan kegalauan.

"Saya berkongsi pandangan sama dengan Presiden Xi Jinping, bahawa kemakmuran dunia ini perlu memanfaatkan setiap individu dan negara.

"Dasar perkongsian masa depan ini menjadi asas penting

mengapa Malaysia memilih menyertai pakatan BRICS, kerana prinsip ini diterima baik negara-negara Asia, Afrika, Amerika Latin dan Global South.

"Saya zahirkan penghargaan atas pendirian China yang memilih untuk menjulang prinsip perkongsian kemakmuran tatkala beberapa kuasa besar ekonomi dunia memilih untuk mengambil sikap yang bertentangan," kata Anwar.

Dalam pada itu, terkait CIIE, Anwar percaya ia adalah wadah penting untuk perniagaan seluruh dunia, terutama syarikat-syarikat



kecil memperagakan keupayaan dan menarik pelaburan.

"Ini adalah contoh penting di mana kerjasama antara negara digunakan sebaiknya bagi memastikan kemajuan global dicapai secara adil," ujarnya.



Malaysia dan Mesir jalin usahasama perniagaan dan perdagangan

KAHERAH: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan delegasi perniagaan Malaysia telah menghadiri sesi meja bulat bersama 60 pemimpin industri dan perniagaan meliputi pelbagai sektor yang berpusat di Mesir.


"Sesi ini turut dihadiri oleh Menteri Pelaburan dan Perdagangan

Antarabangsa Republik Arab Mesir, TYT Hassan El Khatib dan dimanfaatkan sebaiknya untuk berinteraksi serta memberi keyakinan kepada mereka terkait peluang pelaburan di Malaysia selain penerokaan usahasama perniagaan dan perdagangan dengan syarikat di negara kita.

"Beberapa peluang dalam industri sawit, automotif, farmaseutikal dan produk perubatan, semikonduktor, sektor digital serta tenaga diperbaharui dibincangkan dalam sesi yang produktif ini.

"Insya Allah berdasarkan polisi Kerajaan MADANI yang jelas serta angka dan penunjuk ekonomi

Malaysia yang memberangsangkan disamping pengiktirafan sebagai hab utama dalam bidang semikonduktor dan tenaga hijau di rantau Asia tenggara dapat memacu pertumbuhan ke peringkat global," kata Anwar.



Anwar tawar peluang pelaburan kepada 147 syarikat terkemuka Korea Selatan



SEOUL: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengadakan pertemuan dengan beberapa Ketua Pengarah Eksekutif semasa sesi 'C-Suite Insight Session' serta memberi ucapan di Forum Perniagaan Malaysia-Korea 2024.

Anwar berkata, acara ini memberi penekanan pada aspek hubungan erat antara Malaysia dan Republik Korea selain melonjak komitmen Malaysia pada inovasi dan pertumbuhan yang mampan.

"Di acara forum, saya mengalu-alukan kebersamaan lebih 200 peserta dari 147 syarikat Korea dari pelbagai lapangan; semikonduktor, kenderaan elektrik, teknologi hijau dan kecerdasan buatan (AI).

"Di ruang yang sama, saya telah berkongsi kebijakan Malaysia di bawah kerangka Ekonomi MADANI yang didukung oleh

inisiatif seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, dan Pelan Strategik Semikonduktor.

"Platform C-Suite tersebut ternyata memberi ruang kepada Malaysia untuk berbincang terus dengan pemuka-pemuka syarikat terkemuka Korea seperti Samsung, SIMMTECH, Poongsan Corporation, Lotte Energy Materials, Kumho Petrochemical dan lain-lain," kata Anwar.

Anwar berkata, syarikat-syarikat tersebut mempersembah rencana mereka untuk Malaysia termasuk pelaburan di sektor semikonduktor, tenaga boleh baharu, pemprosesan nadir bumi, dan industri halal.

"Komitmen mereka kepada Malaysia sangat mengujakan selain mempamer

keyakinan mereka kepada kestabilan Malaysia, selain dasar dan sebagai destinasi pelaburan yang strategik.

"Justeru itu, saya mengalu-alukan para pelabur dari Republik Korea untuk meneroka pelbagai peluang yang ada dan bersama dalam usaha melonjak dan mencapai kesejahteraan," ujar Anwar lagi.



Golongan penjaja dan peniaga kecil main peranan pacu ekonomi negara

PULAU PINANG: Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, Veerapan Superamiam telah menghadiri Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 (HPPK 2024) yang diadakan di Pusat Konvensyen PICCA, Pulau Pinang.

Majlis ini dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Veerapan berkata, program tahunan ini bertujuan untuk mengiktiraf komuniti penjaja dan peniaga kecil di negara ini.

"Selain itu, produk hasil usahawan juga dipamerkan kepada orang awam.

"Dalam ucapan perasmian, YAB menyeru supaya golongan penjaja dan peniaga kecil terus memainkan peranan bagi membantu memacu ekonomi negara ke tahap yang lebih baik.

"Karnival HPPK2024 ini dianggarkan berjaya menarik 40,000 pengunjung dalam tempoh tiga hari ia berlangsung," kata Veerapan.

Dalam pada itu, Anwar turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Penjaja dan Peniaga Kecil kepada 20 orang usahawan yang telah berjaya melonjakkan perniagaan mereka sehingga mencapai nilai jualan melebihi RM300,000 setahun.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Ewon Benedick; Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar serta Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil.

Negeri Sembilan setuju GISB ajaran sesat

SEREMBAN: Kerajaan Negeri melalui Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah mengambil tindakan membincang dan membawa isu GISB Holding dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (MJKF) bil.7/2024 pada 27-29 September 2024 yang lalu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat-PH) berkata, berdasarkan hujah dan pandangan ahli MJKF bersetuju memutuskan bahawa ajaran yang dibawa Nasiruddin (pemimpin GISB) adalah sama dengan ajaran al-Arqam dan Rufaqa' mengenai Aurad Muhammadiyah yang telah diharamkan.

"Muzakarah juga menegaskan bahawa ajaran al-Arqam yang diwartakan pada 2016 boleh dijadikan asas kepada penguatkuasaan ke atas sebarang usaha untuk menghidupkan kembali ajaran al-Arqam atau seumpamanya walaupun atas nama yang berlainan.

"Jabatan Mufti juga sentiasa menyebarkan maklumat mengenai kumpulan-kumpulan ajaran

sesat yang telah difatwakan melalui program-program Jabatan Mufti di peringkat Daerah," ujar beliau.

Aminuddin menambah, pihak PDRM Kontinjen Negeri Sembilan telah membuka 12 kertas siasatan terhadap GISBH di mana daripada 12 kertas siasatan tersebut hanya tujuh kertas siasatan telah dituduh di mahkamah manakala lima masih lagi menunggu arahan lanjut daripada Jabatan Peguam Negara.

"Pihak polis akan terus memantau dan mengambil tindakan terhadap apa jua pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh pihak GISBH dan juga syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan pihak GISBH.

"Kerajaan Negeri melalui pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) komited untuk mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Enakmen Syariah ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar apa-apa keputusan fatwa Negeri Sembilan termasuk mengamalkan ajaran 'Aurad Muhammadiyah' yang telah difatwakan sesat pada

2016," ulas beliau lagi.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Klawang, Dato' Ir.Bakri Sawir (PH) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Menurut Aminuddin, Bahagian Penguatkuasaan JHEAINS telah menjalankan pemeriksaan di dua buah madrasah di bawah pentadbiran GISBH iaitu Madrasah Dinul Hayah Ulu Beting Kuala Pilah dan Madrasah Hayatul Islam Kampung Senama Rembau.

"Hasil pemeriksaan, tindakan penutupan di bawah Seksyen 25c Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Negeri Sembilan) telah dilaksanakan ke atas kedua-dua madrasah tersebut.

"Manakala empat orang yang disyaki (OYDS) telah ditahan dalam pemeriksaan tersebut.

"OYDS ditahan terdiri daripada Pengerusi dan Mudir Madrasah Dinul Hayah, Ulu Beting, Kuala

Piloh serta Mudir dan Timbalan Mudir Madrasah Hayatul Islam, Kampung Senama, Rembau," jelas Aminuddin.

Penahanan dan siasatan ke atas empat OYDS tersebut adalah di bawah seksyen kesalahan:

1. Seksyen 22 Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Negeri Sembilan) 1996 iaitu di atas kesalahan menubuhkan, menguruskan atau mengendalikan Sekolah Islam tanpa Perakuan Pendaftaran atau bertindak dengan melanggar Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat dibawahnya yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM 2,000 atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.
2. Seksyen 52 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 Pindaan 2019 iaitu Perbuatan Atau Ajaran Salah yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM 5,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.
3. Seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah Negeri

Sembilan 1992 Pindaan 2019 iaitu Mengajar Agama Tanpa Tauliah yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda tidak melebihi RM3,000.

Kedua-dua OYDS dilepaskan dengan bon jaminan mahkamah dan tarikh sebutan kes ditetapkan pada 12 November 2024 di Mahkamah Syariah Seremban, Sendayan.

Program Pemulihan Aqidah/Rehabilitasi telah dilaksanakan bermula seawal 15 Oktober 2024 kepada ahli GISBH yang sukarela menyertainya.

Penyelaras Program adalah Majlis Keselamatan Negeri, Negeri Sembilan (MKN).

Modul yang akan digunakan disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan JHEAINS bertanggungjawab sebagai urusetia pendaftaran.

Empat buah masjid baharu bakal dibina 2025



SEREMBAN: Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang dibentangkan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun pada 22 November lalu menyaksikan bahawa empat buah lagi masjid baharu akan dibina pada tahun 2025.

Aminuddin berkata, empat buah masjid tersebut adalah Masjid Terapung, Port Dickson; Masjid Diraja Tuanku Munawir, Seri Menanti; Masjid Tanah Melintang, Kuala Pilah dan Masjid Al-Isra, Tampin.

"Sebanyak RM10.05 juta diperuntukkan bagi membina keempat-empat buah masjid tersebut.

"Pembinaan masjid ini penting kerana ia merupakan pusat ibadah yang penting dan bukan sahaja

memberi ruang kepada umat Islam menunaikan kewajipan, tetapi boleh dijadikan pusat dakwah, pendidikan dan khidmat komuniti.

"Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi syiar Islam di negeri ini," kata Aminuddin.

Negeri Sembilan komited martabatkan pendidikan Islam

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan komited dalam memartabatkan pendidikan Islam di negeri ini dan telah menyusun beberapa inisiatif.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun (Sikamat-PH) berkata, membangun dan melaksanakan Standard Kualiti Pendidikan Islam Negeri Sembilan (SKPiNS) sebagai penanda aras penarafan standard kualiti bagi sekolah-sekolah Islam di Negeri Sembilan yang merangkumi enam standard teras iaitu kepimpinan dan hala tuju, pengurusan organisasi, pengurusan program pendidikan, pengurusan pembelajaran dan kemenjadian murid.

"SKPiNS akan memastikan sekolah-sekolah Islam termasuk pondok dan madrasah di Negeri Sembilan ditadbir secara efisien dengan tatakelola yang baik.

"Memperkasa kurikulum sekolah Islam termasuk

pondok dan madrasah dengan membangunkan Kurikulum Asas Sekolah Islam Negeri Sembilan (KASINS).

"KASINS bertujuan menyediakan asas pendidikan Islam yang inklusif dan sistematik, membina kemahiran dalam pelbagai bidang ilmu, serta meningkatkan keyakinan ibu bapa terhadap pendidikan agama anak-anak mereka selain berperanan mengawal kurikulum di sekolah Islam swasta agar selari dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Sehingga kini sebanyak 33 buah Sekolah Islam Swasta telah mengikuti kurikulum KASINS yang dibangunkan ini," jelas Aminuddin.

Aminuddin turut menambah, dari aspek pembangunan kemahiran guru, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar telah membangunkan dan melaksanakan modul Professional Islamic Teacher

Assessment (PiTAS) Mudarris yang merupakan satu daripada lima komponen utama dalam Standard Profesionalisme Keguruan (SPK) iaitu Mudarris, Muaddib, Murabbi, Muallim dan Mursyid yang terkandung di dalam standard Kualiti Pendidikan Islam Negeri Sembilan (SKPiNS).

"Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) sedang menyemak semula Enakmen Pengawasan Sekolah-sekolah Agama Islam 1996 bertujuan untuk memperkukuh pemantauan dan kawalan terhadap institusi pendidikan agama di negeri ini untuk memastikan sekolah-sekolah agama termasuk tahfiz, madrasah, pondok dan sekolah agama rakyat mematuhi standard pendidikan dan keselamatan yang ditetapkan.

"Selain itu Kerajaan Negeri melalui Unit

Perancangan Ekonomi Negeri Sembilan (UPEN) terus memperkasakan program Fast Track SPM supaya meningkatkan kebolehpasaran pelajar-pelajar tahfiz, madrasah dan pondok.

"Pada tahun 2024, program ini dijalankan di Sekolah Maahad Tahfiz (Persendirian) As-Saidiyah (MTAS) seperti tahun sebelum ini melibatkan seramai 50 orang pelajar tahfiz," ujar beliau.

Dalam pada itu, Aminuddin turut menjelaskan Kerajaan Negeri Sembilan juga telah menyalurkan sumbangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan untuk pelaksanaan penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi sebanyak RM17,640 dan juga sumbangan bagi Program Adab dan Nilai sebanyak RM6,220 bagi menghargai kejayaan cemerlang anak-anak Negeri Sembilan dalam program Majlis al-Quran Sekolah-Sekolah (MQSS) Peringkat Kebangsaan 2024.

"Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan inisiatif Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi dalam Pembangunan Pelan Strategik KPM bagi tempoh 2024-2030.

"Inisiatif ini melibatkan guru, murid, dan seluruh warga institusi pendidikan KPM yang beragama Islam," katanya.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Rantau, Dato' Seri Utama Mohamad Hasan (BN) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Mohamad bertanya apakah pelan strategi Kerajaan Negeri dalam memartabatkan pendidikan Islam di Negeri Sembilan.



Negeri Sembilan serius tangani ajaran sesat

SEREMBAN: Negeri Sembilan serius dalam menangani isu ajaran sesat yang berlaku dalam negeri ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah merancang dan melaksanakan beberapa tindakan yang boleh diambil bagi mendidik masyarakat mengenai bahaya ajaran sesat.

"Antara usaha yang dilakukan adalah Program Irsyad Fatwa, Bicara Sufi dan Muhadarah Tasawuf supaya mereka dapat mengetahui dan membezakan ajaran Tasawuf yang sebenar serta sesat.

"Selain itu, Program Multaqa Pemegang Tauliah Mengajar Agama di Negeri Sembilan khusus kepada Pemegang Tauliah Mengajar bagi menambah lagi pengetahuan agama kepada masyarakat.

"Seterusnya mencetak poster berkenaan ajaran sesat, mengadakan 'Podcast al-Bayan Ahli Sunnah Waljamaah' dan program penyelidikan dan penerangan ajaran sesat dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Universiti dan Kolej serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

"Kerajaan Negeri melalui PDRM juga sentiasa menjalankan risikan dan

pemantauan yang berterusan terhadap kumpulan atau ajaran meragukan atau sesat.

"Program-program pemantapan aqidah akan dibuat melalui kelas-kelas takmir, khutbah jumaat dan pelbagai platform di bawah bidangkuasa JHEAINS.

"Dalam masa sama, program bersama masyarakat akan dipertingkatkan dengan memberi penjelasan kepada masyarakat Islam yang berani

tampil membuat aduan terhadap sebarang kesalahan atau penyelewengan aqidah di komuniti mereka," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab soalan ADUN Juasseh, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid (BN) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Negeri Sembilan nak tanam pokok kelapa laut?



SEREMBAN: Pokok kelapa laut (*Lodoicea maldivica*) dari segi agronomi memerlukan keadaan persekitaran yang sangat khusus untuk pertumbuhan yang sihat.

EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan, Dato' Seri Jalaluddin Alias (Pertang-BN) berkata, habitat semula jadinya di Seychelles menawarkan tanah berpasir yang kaya dengan bahan organik serta iklim tropika yang konsisten, yang ketara perbezaannya di Malaysia iaitu beriklim tropika yang hangat dan lembap.

"Pokok ini juga tumbuh dengan perlahan, mengambil masa puluhan tahun untuk mencapai kematangan, dan memerlukan kawasan yang luas bagi sistem akarnya.

"Keperluan agronomi ini menjadikan pokok kelapa laut kurang sesuai untuk penanaman meluas di negara ini.

"Selain itu, pokok kelapa laut dilindungi di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies

Terancam atau dengan izin, Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) yang juga dikenali sebagai Konvensyen Washington sebagai spesies yang terancam," jelas beliau.

Menurut Jalaluddin, sebarang usaha penanaman atau pemindahan spesies ini dari habitat asalnya memerlukan kelulusan ketat dan pengawasan antarabangsa untuk memastikan keseimbangan ekologi.

"Oleh itu, kita memilih untuk menyokong pemuliharaan spesies ini di habitat asalnya di Seychelles serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perlindungan spesies terancam.

"Pendekatan ini selaras dengan komitmen kita terhadap kelestarian alam sekitar dan pemuliharaan biodiversiti global, selain menghormati perundangan antarabangsa.

"Kelapa laut ialah sejenis buah daripada pokok

kelapa laut iaitu jenis palma yang mudah hidup dan dijaga serta mempunyai nilai komersial yang tinggi," ujarnya yang juga EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup.

Jalaluddin berkata demikian semasa menjawab pertanyaan lisan ADUN Seremban Jaya, P.Gunasekaren (PH) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Gunasekaren bertanya adakah sebarang cadangan bagi menanam pokok kelapa laut di taman perumahan dan kawasan perindustrian bagi menggantikan pokok-pokok yang berisiko yang mengundang bahaya pada masa akan datang.

"Jika ada, adakah ianya juga akan ditanam secara meluas kerana pokok kelapa laut mempunyai nilai komersial yang tinggi? tanya Gunasekaren.

Negeri Sembilan dalam proses gubal enakmen pembangunan pertanian lestari

SEREMBAN: Bagi menangani isu pembangunan tanah pertanian tanpa perundangan yang kukuh, Kerajaan Negeri Sembilan menekankan komitmen terhadap kelestarian pembangunan pertanian dengan tiga pendekatan.

EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias (Pertang-BN) berkata, tiga pendekatan tersebut adalah seperti berikut:

a) Cadangan Perundangan Baharu

Walaupun perundangan khusus belum tersedia, Kerajaan Negeri menyedari keperluan ini dan sedang dalam usaha untuk merangka peraturan yang lebih terperinci dan komprehensif.

Cadangan ini termasuklah mengadakan dasar khusus yang akan membawa pematuhan undang-undang sebagai langkah pemuliharaan tanah pertanian yang lestari.

Menerusi Mesyuarat Menteri Pertanian dengan Exco-Exco Pertanian Negeri Bilangan 1/2023 pada 15 November 2023, cadangan untuk menggubal Enakmen Pendaftaran Petani telah dipersetujui.

Status terkini mengenai pengubalan Enakmen tersebut adalah semua Kerajaan Negeri perlu memberi ulasan awal dan Kerajaan Negeri melalui Penasihat Undang-undang (PUU) telah memberi ulasan kepada Jabatan Pertanian Malaysia dan kita akan melihat kemajuan dalam tindakan susulannya.

b) Penyelarasan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi

Sebarang projek pembangunan tanah pertanian yang melibatkan perubahan fizikal perlu diselaras dengan pihak berkuasa tempatan, yang dapat menetapkan syarat tambahan untuk melindungi kepentingan awam.

Kerjasama antara agensi membolehkan penambahbaikan kawalan terhadap pembangunan dan memastikan pematuhan kepada garis panduan ditetapkan.

c) Memantapkan Garis Panduan Sedia Ada

Dalam ketiadaan undang-undang, garis panduan pembangunan tanah pertanian boleh diperketatkan dan

diperjelaskan, dengan memperkenalkan syarat-syarat tertentu bagi mengelakkan kerosakan kepada harta awam di sekitar kawasan pembangunan.

Garis panduan ini dapat menuntut pemaju tanah pertanian untuk melaksanakan penilaian kesan kepada persekitaran serta menetapkan langkah mitigasi sebelum memulakan sebarang projek.

Jalaluddin berkata demikian semasa menjawab pertanyaan ADUN Klawang, Dato' Ir. Bakri Sawir (PH) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

"Seperti yang ADUN Klawang sedia maklum bahawa telah juga digariskan iaitu

Panduan Khas Pembangunan Tanaman Durian Tanah Bercerun di Negeri Sembilan yang diluluskan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada tahun 2022," ujar Jalaluddin yang juga EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan.

Bakri dalam soalan beliau bertanya, adakah difahamkan ketika ini tiada undang-undang untuk mengawal dan mengambil tindakan kepada pihak yang membangunkan tanah pertanian yang menyebabkan kerosakan kepada harta awam di luar lot yang dibangunkan kecuali hanya ada garis panduan tertentu.

Apakah dasar dan tindakan Kerajaan Negeri terhadap isu ini? tanya Bakri.

Merdeka dan tanah air

BAHAGIAN 4

Keesokannya, 10 November 1945 menyaksikan pertempuran pemuda pribumi di Surabaya dengan dua kuasa Britain dan Belanda yang bergabung di bawah Allied Forces Netherlands East Indies.

Setidaknya 6,000 pejuang rakyat yang terkorban.

Peristiwa itu telah membangkitkan semangat para pemuda daripada berbagai latar belakang, kaum santri, petani di seluruh Indonesia.

Pada akhirnya, kemerdekaan Indonesia terus dapat dipertahankan.

Manakala, jauh sebelumnya 11 November 1785, kemerdekaan Patani dicabut setelah dilanggar oleh Siam Bangkok dalam beberapa siri peperangan yang panjang.

Seramai 4,000 ribu orang Melayu di bawa ke Bangkok sebagai tawanan perang.

Ribuan yang lain membelah banjaran Titiwangsa membina pemukiman lain di Semenanjung Tanah Melayu.

Namun, semangat merebut kembali kemerdekaan tidak pernah tercabut.

Nama-nama seperti Tengku Mahmood Mahyideen dan Tuan Guru Haji Sulung serta jutaan syuhada tidak terbilang akan terus dikenang sebagai pembela tanah air. Merdeka atau mati!

Penulis teringat juga nada dan getar yang sama diucapkan oleh Che Guevera dalam pidatonya di PBB mengenai Negara Cuba.

Hasta la victoria siempre! (Maju terus menuju kemenangan).
Patria o muerte! (Tanah air atau mati).

Lambaian Malaya

Walaupun hasrat untuk mendapat kemerdekaan serentak bersama Indonesia tidak kesampaian, itu tidak mematahkan semangat para pejuang kemerdekaan tanah air.

Marilah kita tumpukan pula terhadap suasana di tanah air sendiri.

Rosli Dhobi, seorang pemuda yang menurut hitungan hari ini, hanyalah remaja belasan tahun yang belum pun mendapat pendidikan sekolah menengah.

Pada usianya 17 tahun, beliau telah mengambil tindakan berani yang tidak terduga oleh manusia waras iaitu menikam mati Gabenor Negeri Sarawak,

Sir Duncan Stewart yang baru sahaja memulakan tugas di Bumi Kenyalang.

Lawatan rasmi bertukar menjadi lawatan berdarah di tangan Rosli Dhoby.

Beliau menyertai Rukun 13 yang menghimpunkan para pemuda bergelora untuk segera membebaskan tanah air Sarawak daripada pemerasan sejak tahun 1841 oleh Keluarga Brooke.

Kemuncak kemarahan para pejuang ini apabila Brooke sendiri mengingkari janji untuk memberikan hak kemerdekaan kepada pribumi Sarawak dan melanggar perjanjian Perlembagaan Sarawak 1941.

Rosli Dhoby mewakili semangat 'Dum Spiro Spero' (berharap selagi bernafas) yang menyalakan api perjuangan kepada para pemuka kemerdekaan Sarawak kemudian.

Kisah Rosli Dhoby hanyalah rentetan daripada perjuangan sebelumnya bermula daripada pencerobohan Portugis yang menyaksikan angkatan Melaka yang berpindah ke selatan menyusun serangan demi serangan.

Kemudian, era perjuangan oleh para pembesar dan para

alim ulama' secara bersenjata seperti Dol Said, Tok Janggut, Haji Abdul Rahman Munas, Tok Bahaman, Mat Kilau, Dato' Maharajalela dan Sipuntum serta barisan pejuang yang lain. Kemudiannya, secara diplomatik, pergerakan kemerdekaan tanah air memindahkan gelora mereka di meja rundingan, menuntut hak yang telah tersurat di dalam kenyataan sejarah untuk mendapatkan kemerdekaan sendiri.

Piagam Atlantik yang dimasyhurkan oleh Britain sebagai kuasa kolonial terbesar yang menyuratkan bahawa tanah jajahan berhak menentukan pemerintahan sendiri ikut mendorong. Kebangkitan para pemuda menurut jurus diplomasi dan demokratik dapat disaksikan secara saksama dimotori oleh kelompok beraliran kiri.

(bersambung)



MUHAMAD HANAHI JAMALUDIN
Presiden Benevolent



Sumber : Suruhanjaya Tenaga

TIP KESELAMATAN ELEKTRIK DAN GAS

SEBELUM BANJIR JIKA ADA MASA SEBELUM DIARAH BERPINDAH

- Simpan kelengkapan elektrik di tempat tinggi
- Matikan bekalan utama di papan agihan elektrik
- Matikan pemasangan elektrik yang disambung berasingan seperti solar PV atau pagar elektrik
- Tutup injap silinder gas atau gas perpaip



SEMASA BANJIR JANGAN!



- Hampiri pemasangan elektrik seperti pencawang dan bilik suis elektrik
- Berada di lokasi talian elektrik terputus
- Pegang tiang/ struktur yang menyalur elektrik
- Alih/ baiki tiang elektrik tumbang atau talian elektrik putus

Laporkan segera kejadian tiang elektrik tumbang/ elektrik putus kepada pihak utiliti elektrik

SELEPAS BANJIR INGAT!

- Memastikan suis utama elektrik dan injap saluran gas, berada pada kedudukan tertutup (posisi bawah) sebelum mulakan kerja pembersihan
- Pastikan kelengkapan elektrik kering sebelum suis dihidupkan
- Jangan guna kelengkapan elektrik dan gas yang diragui keselamatannya
- Dapatkan khidmat kontraktor elektrik atau gas berdaftar dengan ST jika ragu



Jabatan Penerangan Malaysia



BERITA PALSU: Lesen memandu tanpa ujian

PUTRAJAYA: Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) menerima laporan berkaitan pengiklanan mendapatkan lesen memandu tanpa ujian di media sosial.

Menerusi iklan di laman 'TikTok' yang menggunakan nama '@lesenmemandu_my' itu, beberapa perkhidmatan ditawarkan antaranya boleh memilih kelas lesen bagi permohonan lesen tanpa ujian, lesen memandu yang akan diterima adalah sah dan direkodkan dalam sistem JPJ.

JPJ memandang serius terhadap sindiket lesen terbang ini dan siasatan lanjut akan dilakukan termasuk membuat laporan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM).

Dalam hal ini, JPJ menasihatkan orang ramai agar tidak mudah percaya dan menghubungi pejabat JPJ yang berdekatan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan sahih.

HARGA GETAH

Bantuan Musim Tengkujuh

RM4.40 sekilogram

RM2.75 sekilogram

TERIMA KASIH PMX & KERAJAAN MADANI!

1. Bantuan tunai: Sumbangan Tunai Rahmah -

Wang emas RM600

RM2000 RM1000 RM500 RM350

Buang (6000) RM350

2. Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100/bulan untuk 12 bulan melalui myKad -

3. Sumbangan Asas Rahmah (SARA) One Off RM300 mulai 9 Dis. 2024

LULUS

Teroka Daerah

Jelebu

Apa khabar Jang dan Milah semua? Saya harap anda semua dalam keadaan sihat sentiasa, walaupun cuaca belakangan ini agak tidak menentu. Moga semuanya selamat hendaknya.

Hari ini, kita akan teruskan siri 'Teroka Daerah' dengan menjelajah satu lagi daerah unik di Negeri Sembilan, iaitu Jelebu, atau disebut 'Jolobu' dalam loghat tempatan.

Sejarah dan asal usul nama Jelebu

Jelebu adalah daerah yang penuh cerita menarik, termasuk pelbagai versi asal usul namanya.

Salah satu kisah menyebut bahawa nama Jelebu berasal daripada tragedi kematian Tok Batin Jelebu yang lemas ketika mandi di sungai.

Ada juga kisah lain yang mengatakan ia dinamakan sempena tanaman labu Tok Batin Jelebu yang sangat subur sehingga merayap jauh ke kawasan Klawang.

Daripada situ, nama 'Jalar Labu' tercipta sebelum berubah menjadi Jelebu.

Walaupun cerita asal usul ini menarik, topik utama kita hari ini adalah untuk menjelajah Jelebu dan mengenal pasti aktiviti-aktiviti menarik yang boleh dilakukan di daerah ini.

Keindahan alam Jelebu

Jelebu ialah salah satu daerah yang dikelilingi landskap semula jadi yang indah dengan kehijauan hutan, bukit-bukau, dan sungai yang mengalir, ia menjadi lokasi terbaik untuk pencinta alam.

Daerah ini semakin dikenali, terutamanya bagi mereka yang gemarkan aktiviti seperti glamping, campervan, dan perkhemahan.

Tempat ini benar-benar sesuai untuk melepaskan diri daripada kesibukan bandar.

Taman Negeri Kenaboi

Salah satu destinasi yang wajib dikunjungi di Jelebu ialah Taman Negeri Kenaboi.

Kawasan ini terletak di penghujung Banjaran Titiwangsa dan menawarkan pelbagai aktiviti lasak seperti mendaki bukit.

Mereka yang mencintai alam dan aktiviti luar, pasti akan terpicak dengan pemandangan di sini.

Daripada puncak bukit, anda boleh menikmati panorama menakjubkan yang tidak dapat dilupakan.

Jeram Gading: Syurga aktiviti air

Jika mendaki bukan minat anda, jangan risau. Jelebu



juga menawarkan aktiviti air yang menyeronokkan di Jeram Gading.

Jeram ini terkenal dengan lanskap indahnya yang dihiasi hutan hujan tropika, sungai yang jernih, dan air terjun yang menyegarkan.

Lokasi ini sangat sesuai untuk bersantai sambil menikmati suasana alam semula jadi.

Untuk mereka yang ingin merasai suasana malam di tengah-tengah alam, Jelebu mempunyai beberapa pilihan tapak perkhemahan yang sangat menarik.

Antara lokasi glamping yang popular ialah Glamping at Kongkoi.

Tapak ini menyediakan kemudahan yang lengkap serta pemandangan yang memukau.

Selain itu, anda boleh mengunjungi The Hooton Retreat, tempat glamping yang turut menawarkan pengalaman unik dikelilingi alam semula jadi.

Healing dengan kopi di Jelebu

Sudah tentu, edisi Teroka Daerah tidak akan lengkap tanpa menikmati secawan kopi.

Bak kata pepatah moden, 'kopi dulu baru kamu.'

Di Jelebu, terdapat beberapa kafe menarik yang boleh anda lawati untuk menikmati kopi terbaik sambil bersantai.

'Cakes and Coffee by Syida' adalah salah satu destinasi yang patut dicuba.

Kafe ini terkenal dengan pilihan kek buatan sendiri yang lazat, dihidangkan bersama kopi segar.

Seterusnya, anda boleh berkunjung ke 'Seteguk Kopi', sebuah kafe kecil yang mengutamakan kualiti kopi.

Ia tempat terbaik untuk anda menikmati secawan kopi dalam suasana yang santai.

Jangan lupa singgah di APACABA Coffee, sebuah lagi lokasi menarik untuk pencinta kopi.

Di sini, anda boleh mencuba pelbagai jenis minuman kopi

yang dihasilkan dengan sentuhan istimewa.




Kesimpulan: Jelebu untuk semua

Daripada aktiviti lasak seperti mendaki di Taman Negeri Kenaboi hingga aktiviti santai seperti menikmati kopi di kafe tempatan, Jelebu benar-benar menawarkan sesuatu untuk semua orang.

Keindahan alamnya yang memukau, dipadankan dengan kemudahan moden seperti tapak glamping dan kafe menarik, menjadikan daerah ini destinasi yang sesuai untuk percutian singkat atau 'healing'.

Jadi, tunggu apa lagi? Masukkan Jelebu dalam senarai perjalanan anda yang seterusnya dan alami sendiri keindahan daerah yang penuh dengan keunikan ini. Anda pasti tidak akan kecewa!

Edzwan Ashraf



Bantuan ibu tunggal berjumlah RM1.2 juta bermula tahun 2025

SEREMBAN: Golongan ibu tunggal adalah wanita yang berseorangan tanpa suami dan bertanggungjawab mendidik anak-anak dengan menjalankan dwifungsi iaitu sebagai penyara dan pengurus keluarganya.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, bagi menghargai golongan ibu tunggal, sebanyak RM1.2 juta diperuntukkan dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2025.

"Tidak dilupakan adalah golongan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan, akan menerima sumbangan one-off sebanyak RM200 seorang menerusi peruntukan berjumlah RM1.2 juta.

"Inisiatif ini dikenali sebagai Bantuan Care For You (C4U) Ibu Tunggal," katanya.

Aminuddin berkata demikian semasa Pembentangan



Belanjawan Negeri Sembilan 2025 di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban baru-baru ini.



Sejahtera rakyat ke tahap bahagia, pelbagai bantuan disediakan kerajaan

Melalui Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada Oktober yang lalu, dalam mensejahterakan rakyat ke tahap bahagia, pelbagai jenis bantuan kebajikan disediakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), antaranya bantuan tunai khusus untuk keluarga miskin, OKU dan warga emas dengan kadar bulanan seperti berikut:

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rahang, Desmond Siau Meow Kong (PH), perincian bantuan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Bantuan Warga Emas dinaikkan kepada RM600 daripada RM500 sebulan;
- b) Kadar Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin dinaikkan kepada RM250 daripada RM200 bagi seorang anak berumur enam tahun dan ke bawah; serta kepada RM200 daripada RM150 bagi seorang anak berumur tujuh tahun

hingga 18 tahun dengan maksimum RM1,000 se-keluarga.

c) Kenaikan syarat kelayakan pendapatan penerima bantuan Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) kepada RM1,700 daripada RM1,500.

d) Peruntukan Bantuan OKU pada 2024 sebanyak RM1.2 bilion dinaikkan kepada RM1.3 bilion pada tahun 2025.

e) Kenaikan syarat dan Kelayakan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) daripada RM3,000 kepada RM5,000.

Untuk memastikan program bantuan sosial yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2025 dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat, langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut termasuklah:

1. Pengumpulan Data Golongan Sasaran.

Pengumpulan data yang tepat melalui kerjasama dengan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), dan badan bukan kerajaan (NGO) adalah penting untuk memastikan bantuan sampai kepada mereka yang berhak.

JKM sentiasa mengadakan kerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan kampung (JPKK) dan pemimpin setempat dalam rujukan kes-kes yang memerlukan bantuan segera.

2. Peningkatan Infrastruktur Penyampaian.

Untuk memastikan bantuan sampai ke tangan penerima dengan cepat dan tepat, JKM juga mengadakan pelbagai langkah alternatif antaranya ialah:

- i. Penugasan pegawai JKM di Pusat Khidmat DUN.
- ii. Program 'outreach' iaitu pegawai JKM hadir ke lokasi-lokasi terpilih yang memudahkan orang ramai

hadir dan tidak perlu hadir ke pejabat.

iii. Mewujudkan team on-call di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang akan menangani kes-kes rujukan dengan segera.

iv. Mewujudkan secara berkala pasukan task force bagi mengendalikan kes-kes permohonan baru dan rujukan dengan berkesan.

3. Pemantauan dan Penilaian Berkala.

Program bantuan sosial juga dipantau secara berkala mengikut Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan/Negeri yang sedang berkuatkuasa.

Ini adalah untuk memastikan ia berfungsi dengan baik dan tiada penyelewengan atau ketirisan.

4. Kemudahan Akses dan Penglibatan Komuniti.

Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang

kewujudan dan kelayakan untuk menerima bantuan sosial melalui saluran komunikasi yang jelas, termasuk media sosial, aplikasi mudah alih, dan kerjasama dengan masyarakat setempat.



Noorzunita Begum Mohd Ibrahim

Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan

ADUN PILAH

Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15.

Harga kopi dijangka melonjak 25 peratus akibat cuaca buruk



MOSCOW: Harga kopi global berpotensi meningkat sebanyak 25 peratus menjelang 2025, didorong oleh cuaca ekstrem yang menjejaskan pengeluaran di Brazil dan Vietnam, iaitu dua pengeluar utama kopi dunia.

Menurut pakar daripada Agensi Penarafan Kredit Analitikal Rusia (ACRA), Anton Trenin berkata, cuaca buruk seperti kemarau di Brazil dan taufan di Vietnam telah menjejaskan hasil tuaian

kopi Arabica dan Robusta, masing-masing.

"Brazil, yang memenuhi sepertiga permintaan global untuk Arabica, terus bergelut dengan kemarau berpanjangan, manakala Vietnam, pengeluar terbesar Robusta, menghadapi cabaran hujan yang tidak menentu.

"Kopi sepenuhnya bergantung pada import di Rusia.

Berdasarkan keadaan semasa, harga purata kopi dijangka meningkat sebanyak 20 hingga 25 peratus menjelang 2025," jelas Trenin.

Terdahulu dua jenis biji kopi ini telah mencatatkan rekod tertinggi iaitu AS\$5,500 satu tan bagi Robusta dan AS\$7,300 bagi Arabica.

Peningkatan ini turut didorong oleh pergantungan pasaran

kopi Rusia kepada import sepenuhnya dan kadar pertukaran dolar Amerika Syarikat, yang menambah tekanan terhadap kos.

Dengan cabaran cuaca dan permintaan yang terus meningkat, pengguna kopi di seluruh dunia dijangka terus berdepan kenaikan harga yang signifikan dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Korea Selatan luluskan 76 buku teks digital berasaskan AI untuk sekolah

SEOUL: Buat pertama kali, Korea Selatan telah meluluskan sebanyak 76 buku teks digital berasaskan kecerdasan buatan (AI) untuk digunakan dalam bilik darjah, meliputi pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga menengah atas.

Pengumuman ini dibuat oleh Kementerian Pendidikan negara itu.

Menurut Agensi Berita Yonhap, buku teks ini merangkumi mata pelajaran seperti matematik dan Bahasa Inggeris untuk murid darjah tiga dan empat sekolah rendah, pelajar tingkatan satu sekolah menengah rendah, serta tingkatan satu sekolah menengah atas.

Daripada 146 buku teks

yang dihantar untuk proses pensijilan, 76 telah terpilih dan disenaraikan dalam warta rasmi.

Buku-buku yang diluluskan ini akan dipamerkan di sekolah bermula Isnin depan, sebelum digunakan secara rasmi dalam sesi pembelajaran bermula Mac, beriringan dengan buku teks konvensional yang sedia ada.

Kementerian Pendidikan menegaskan bahawa buku teks digital ini dirancang untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih disesuaikan dengan kemampuan dan tahap individu pelajar, sejajar dengan usaha meningkatkan kualiti pendidikan di era teknologi moden.

Presiden Venezuela: Perjuangan Palestin adalah simbol keadilan kemanusiaan



RAMALLAH: Presiden Venezuela, Nicolas Maduro, menyifatkan perjuangan rakyat Palestin sebagai simbol perjuangan paling adil dalam sejarah kemanusiaan.

Ucapannya disampaikan semasa 'Persidangan Antarabangsa Solidariti Bersama Palestin' yang berlangsung di Caracas, menurut laporan Agensi

Berita Palestin (WAFA). Maduro menegaskan komitmen teguh negaranya untuk terus menyokong hak rakyat Palestin dalam memperjuangkan pembentukan negara mereka sendiri.

"Jika kita menilai perjuangan sepanjang abad lalu untuk mencipta dunia yang lebih adil, perjuangan rakyat Palestin

adalah perjuangan paling adil untuk kemanusiaan," katanya dengan penuh keyakinan.

Beliau menekankan bahawa sokongan Venezuela terhadap rakyat Palestin tidak akan goyah, mencerminkan solidariti negara itu dalam usaha rakyat Palestin mencapai keadilan dan kemerdekaan yang mereka idamkan.

JPNS beri perhatian kepada kemudahan sukan dan padang sekolah

SEREMBAN: Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) memberi perhatian dan mempunyai peranan berkaitan dengan fasiliti sukan seperti padang.

Exco Pendidikan, Dato' Ismail Lasim (Senaling-BN) berkata, sekolah yang tidak mempunyai padang boleh mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau JPNS bagi perolehan tanah sekiranya tiada kawasan lapang di dalam kawasan sekolah yang boleh dijadikan padang.

"Projek naik taraf padang

dilaksanakan secara berperingkat dan permohonan dilakukan melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun dan peruntukan dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Projek naik taraf padang yang sedang dilaksanakan pula seperti di Sekolah Kebangsaan Sungai Jai (RM500,000), Sekolah Kebangsaan Kampung Daching (RM500,000) dan Sekolah Kebangsaan Jijan (RM500,000).

"Bagi pembelian peralatan sukan pula, setiap sekolah telah diperuntukan dengan Geran Perkapita Mata Pelajaran dan sekolah



boleh membeli menggunakan wang tersebut," jelas Ismail.

Ismail berkata demikian

bagi menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota, Suhaimi Aini (BN) dalam sesi soal jawab

Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Yang Ke-15.

Kerajaan Negeri Sembilan perkasa bidang TVET



Tiga agensi utama dalam memperkasakan bidang TVET (Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional) di Negeri Sembilan adalah Kolej Yayasan Negeri Sembilan (KYNS), Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Sembilan (NSSDC) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS).

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemencheh, Suhaimizan Bizar; Kerajaan Negeri melalui KYNS

menggalakkan pelbagai kerjasama dengan industri untuk peluang latihan dan penempatan kerja dalam pelbagai bidang seperti berikut:

(a) Bidang Hospitaliti

Pada tahun 2023, KYNS telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan industri perhotelan di Negeri Sembilan seperti Lexis Hibiscus Hotel dan Klana Resort Seremban.

Kerjasama yang

merangkumi latihan dan program pembangunan yang berkaitan dengan pelancongan ini bertujuan menyediakan pelajar dengan pengalaman praktikal dan kemahiran langsung yang sesuai dengan keperluan industri hospitaliti, khususnya bagi pelancongan dan pengurusan hotel.

(b) Bidang Automotif

KYNS juga memperkukuhkan hubungan dengan sektor industri automotif sebagai contoh, Perjanjian Persefahaman (MOU) antara KYNS bersama Toyota Laser Motor Group (LMG) dapat membantu untuk memperkasakan bidang automotif di KYNS.

Kerjasama ini memperkasa kebolehpasaran pelajar dan membina rangkaian tenaga kerja berkemahiran

tinggi di Negeri Sembilan.

Belanjawan 2025 yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar telah memperuntukkan RM5.25 juta insentif kepada KYNS sebagai galakan kepada anak-anak Negeri Sembilan untuk menceburi bidang TVET seperti Geran Pemberian one-off bagi permulaan pembelajaran, Pinjaman Boleh Ubah Biasiswa dan Subsidi Kerajaan Negeri Sembilan.

Manakala di peringkat JPNS, Unit TVET telah bekerjasama dalam program 'Outreach' dengan Kerajaan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Intitusi Pengajian Tinggi, Institusi Latihan Kemahiran, Agensi Swasta dan lain-lain lagi dalam usaha meningkatkan penyertaan pelajar di peringkat Menengah Atas untuk memasuki bidang

TVET di peringkat sekolah seperti Karnival TVET Permotoran Parlimen Seremban di SMK Mantin dan lain-lain.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Politeknik Port Dickson yang telah diiktiraf sebagai institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terbaik di Asia Pasifik menerusi pengiktirafan Platinum oleh Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) tahun 2023.

Dato' Ismail Lasim

Exco Pendidikan Negeri Sembilan

Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15.

BAJET 2025: RM10.40 juta untuk pemerkasaan belia, wanita dan sukan



SEREMBAN: Melalui pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2025 di bawah bidang tumpuan Pemerkasaan Belia, Wanita dan Sukan sejumlah RM10.40 juta telah diperuntukkan bagi bidang ini.

Exco Pembangunan Belia dan Sukan, Mustapha Nagoor berkata, RM3.0 juta diperuntukkan bagi program pemerkasaan

infrastruktur sukan. "Sebanyak RM3.0 juta lagi diperuntukkan untuk pengurusan dan pemerkasaan belia dan sukan.

"Bagi penganjuran Kejohanan Sukan Negeri Sembilan (SUKNES) 2025, peruntukan sebanyak RM1.0 juta disediakan.

"Geran Aktiviti JPKK dan Geran Belia

dan Beliawanis pula melibatkan peruntukan RM2.20 juta.

"Sementara peruntukan RM1.20 juta bagi Bantuan Care For You (C4U) Ibu Tunggal," kata Mustapha.

Dalam pada itu, Mustapha berkata, untuk tahun 2025, Kejohanan Sukan Negeri Sembilan ditambah baik dengan penambahan sukan.

"Pada tahun 2024 penganjuran hanya melibatkan empat sukan iaitu Futsal Lelaki, Sepak Takraw Lelaki, Badminton Berpasukan dan Bola Jaring dengan kos penganjuran berjumlah RM500,000.

"Bagi sukan-sukan yang terlibat dalam Kejohanan Sukan Negeri Sembilan Tahun 2025, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Sembilan

akan menambah bilangan penganjuran sukan melalui konsep yang lebih luas dan terbuka.

"Melalui Kejohanan SUKNES juga, pihak persatuan yang terlibat akan membuat pemilihan untuk bakat-bakat baru untuk diserapkan dalam program pembangunan persatuan atau Majlis Sukan Negeri," jelas Mustapha.

Persatuan sukan diminta proaktif mohon tajaan swasta

SEREMBAN: Penajaan daripada syarikat swasta memainkan peranan penting dalam memajukan kredibiliti sukan negeri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chuah, Yew Boon Lye mengesa Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan memainkan peranan dalam hal ini dengan memperkemas

'sukan angkat' kepada syarikat-syarikat berkaitan seperti model sukan Persatuan Bola Keranjang Negeri Sembilan.

Exco Pembangunan Belia dan Sukan, Mustapha Nagoor berkata, dalam usaha mendapatkan tajaan oleh syarikat-syarikat angkat ini, bukan sahaja Majlis Sukan Negeri yang memainkan per-

anan tetapi Persatuan Sukan Negeri perlu proaktif dalam merancang program pembangunan sukan yang mampan bagi menarik lebih banyak syarikat untuk menyumbangkan dana kepada persatuan.

"Kerajaan Negeri Sembilan melalui Majlis Sukan Negeri telah mendapatkan kelulusan bagi persatuan sukan negeri atau kelab sukan yang berdaftar di seluruh Negeri Sembilan untuk mengutip sumbangan dari penaja mengikut peraturan dan prosedur yang telah termaktub bagi tujuan pengecualian cukai.

"Persatuan sukan seharusnya memulakan langkah dengan mengemukakan surat permohonan beserta kertas kerja lengkap menggunakan Tabung Sukan Negeri bagi tujuan penyaluran dana untuk mendapatkan pengecualian

cukai terhadap sumbangan (wang tunai sahaja).

"Dana yang diterima melalui akaun Terimaan Kerajaan Negeri Sembilan dan akan melalui proses-proses tertentu sebelum dikembalikan kepada persatuan untuk mereka melaksanakan aktiviti," ujar Mustapha.

Mustapha menjelaskan, melalui kemudahan yang telah dibenarkan ini, seharusnya Persatuan Sukan Negeri mengambil peluang untuk mendapatkan lebih banyak dana tajaan dari syarikat-syarikat bagi memastikan perancangan aktiviti tahunan khususnya melibatkan pembangunan sukan dapat dilaksanakan.

"Penajaan atau sumbangan syarikat ini dikategorikan sebagai tanggungjawab

sosial korporat atau dikenali sebagai Corporate Social Responsibility (CSR).

"Antara faedah yang diperolehi adalah pengecualian cukai ke atas dana ataupun penyaluran sumbangan yang dikeluarkan kepada Persatuan Sukan Negeri/Kelab Sukan yang akan diuruskan oleh Majlis Sukan Negeri.

"Penggunaan logo ditempat yang difikirkan sesuai yang akan dibincangkan bersama, antaranya pada jersi perlawanan, banner, bunting, back-drop dan sesuatu program/aktiviti penganjuran sukan itu dianjurkan," jelas Mustapha lagi.



Sukan

Negeri Kita



Negeri Sembilan FC (NSFC) di bawah Negeri Sembilan Football Club Sdn Bhd telah menamatkan saingan Liga Malaysia 2023 di tempat kesembilan.

Peranan NSFC ialah untuk bertanding secara profesional dan kompetitif di Liga Malaysia dengan kewujudan pasukan Liga Super, bawah 23 tahun, bawah 20 tahun dan bawah 18 tahun manakala PBNS lebih terarah kepada

pembangunan sukan bola sepak di peringkat negeri dengan penganjuran liga tempatan, kursus kejurulatihan dan pembangunan pengadil.

Exco Pembangunan Belia dan Sukan, Mustapha Nagoor (Palong-BN) berkata, setakat 25 November 2024, sebanyak 15 perlawanan telah dilalui di mana Skwad Jang hanya satu kali merekodkan kemenangan liga,

tiga kali seri perlawanan liga, sembilan kali kalah perlawanan liga, sekali tewas perlawanan Piala Malaysia dan satu kali tewas perlawanan Piala FA.

Bagi mengatasi masalah prestasi pada musim ini, beberapa langkah sedang diambil oleh pihak pengurusan NSFC bagi memperbaiki prestasi pasukan untuk musim yang akan datang.

"Program, 'talent scouting' serta 'player recruitment' telah dimulakan bagi perseediaan musim hadapan bagi memastikan perancangan yang lebih rapi.

"Mengikut unjuran kewangan tahun ini, NSFC juga akan menamatkan tahun 2024 dengan keadaan yang lebih baik, justeru itu, membolehkan kelab mendapatkan pemain yang lebih berkualiti pada musim hadapan.

"Beberapa pemain yang menunjukkan prestasi yang memberangsangkan juga telah berada di dalam perbincangan bagi lanjutan kontrak musim hadapan.

"Lima pemain bawah-20 tahun juga telah diserap untuk bersama pasukan Liga Super sehingga tamat musim," ujar Mustapha.

Langkah baiki prestasi pasukan bola sepak Negeri Sembilan sedang diambil

Program pembangunan bola sepak di Negeri Sembilan

Menurut Mustapha, Program Pembangunan Bola Sepak di Negeri Sembilan secara umumnya telah dilaksanakan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan dengan kerjasama pelbagai agensi antaranya Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Majlis Sukan Negeri serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan.

"Satu jawatankuasa telah ditubuhkan melibatkan wakil-wakil dari Negeri Sembilan Football Club, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis Sukan Negeri, Program Pembangunan Bola Sepak Negara (Majlis Sukan Negara Malaysia), Jabatan Belia dan Sukan serta wakil kelab komuniti.

"Pemegang-pemegang taruh yang disenaraikan merupakan agensi-agensi yang memiliki program pembangunan sukan bola

sepak mereka sendiri.

"Justeru itu, tujuan jawatankuasa ini digerakkan ialah bagi membolehkan semua pemegang taruh bergerak atas misi dan visi yang sama, serta mengembelikan tenaga membangunkan bola sepak Negeri Sembilan," jelas beliau.

Perincian program pembangunan tersebut adalah seperti berikut:

1. Program Bawah 10 tahun dan Bawah 12 tahun

Melalui jawatankuasa ini, beberapa aktiviti dan keputusan telah diambil.

Pertama, NSFC telah menubuhkan pasukan akademi bawah 10 tahun dan bawah 12 tahun bagi memastikan bakat-bakat tempatan mempunyai platform dan laluan bakat yang lebih jelas di bawah NSFC.

Kedua, NSFC juga akan memperkasa hubungan dengan Sekolah Sukan Negeri Sembilan (SMK Za'ba, Kuala Pilah) dengan

memperbaharui 'Memorandum of Understanding' yang telah dimeterai sebelum ini.

Skuad bawah 14 dan bawah 17 tahun daripada Sekolah Sukan Negeri Sembilan akan membentuk skuad NSFC bawah 14 dan bawah 17 tahun.

Di samping itu, Kejohanan Bola Sepak 'Jang Junior Challenge' atau JJC telah diperkenalkan.

Program ini merupakan platform kejohanan bagi mencari bakat bawah 12 tahun di seluruh Negeri Sembilan dan dianjurkan di lokasi-lokasi luar bandar.

2. Program Bawah 17 tahun

Pada tahun ini juga, NSFC dengan kerjasama PBNS telah menganjurkan Liga KELME Bawah 17 Tahun Negeri Sembilan melibatkan lapan pasukan sekolah dan akademi dari seluruh Negeri Sembilan.

Para pemain terbaik yang

beraksi di liga ini akan ditawarkan melanjutkan pengajian ke Kolej Yayasan Negeri Sembilan dan membentuk skuad NSFC bawah 18 tahun bagi tahun 2025.

3. Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP)

Program Pembangunan Bola Sepak Negara ini telah dilaksanakan sejak tahun 2014 bagi peringkat umur tujuh hingga 17 tahun.

Bermula dengan Akademi Tunas (7-12 tahun), Pusat Latihan Daerah dan Negeri (13-17 tahun).

Di Negeri Sembilan, terdapat lima Akademi Tunas, lima Pusat Latihan Daerah dan sebuah Pusat Latihan Negeri (SMK Za'ba).

Mustapha berkata demikian semasa menjawab pertanyaan ADUN Seri Menanti, Muhammad Sufian Maradzi (BN) pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

